UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU
UMT

TAHUN 25
Meneroka Aspirasi
Mengukuh Kecemerlangan
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

PERATURAN AKADEMIK

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

(SENARAI PINDAAN DAN PENAMBAHBAIKAN PERATURAN AKADEMIK)

PROGRAM SARJANA MUDA DAN DIPLOMA

(EDISI 10)



OfficialUMT | QS UNIVERSITY RANKINGS ASIA | QS WORLD UNIVERSITY RANKINGS | THE | MyRA

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

Terokaan Seluas Lautan, Demi Kelestarian Sejagat | Ocean of Discoveries, for Global Sustainability

Buku Peraturan Akademik ini mengandungi peraturan-peraturan berkaitan yang perlu dipatuhi oleh pelajar sepanjang mengikuti pengajian di Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Peraturan ini terpakai kepada semua pelajar yang mengikuti program pengajian peringkat Diploma dan Sarjana Muda UMT.

Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik (PPPA)
Universiti Malaysia Terengganu

Pernyataan : Semua maklumat yang terkandung dalam buku ini adalah betul pada masa cetakan dilakukan.

Kelulusan Senat : 29 Ogos 2021

KANDUNGAN **MUKA SURAT**

BAHAGIAN A
TAFSIRAN 1

BAHAGIAN B
KEMASUKAN PELAJAR
1. Kemasukan Ke Program Pengajian 3
2. Syarat Am Universiti 3
3. Syarat Khas Program 4
4. Penerimaan Tawaran 5
5. Kemasukan Pelajar Program Mobiliti 5

BAHAGIAN C
SEMESTER, KREDIT DAN TEMPOH
6. Semester Biasa 6
7. Semester Pendek 6
8. Semester Berikutnya 6
9. Kredit Bergraduat 6
10. Tempoh Pengajian 6

BAHAGIAN D
PENDAFTARAN KURSUS
11. Pendaftaran Secara Berterusan 8
12. Pendaftaran Kursus 8
13. Penambahan dan Pengguguran Kursus 9
14. Pendaftaran Kursus di Luar Tempoh 10
15. Pengguguran Kursus / Tarik Diri Kursus (TDK) di Luar Tempoh 10
16. Pendaftaran Kursus Berprasyarat 11
17. Pendaftaran Kursus Audit (AUT) 11
18. Pertukaran Taraf Kursus 12
19. Pembatalan Pendaftaran Kursus 12
20. Pendaftaran Pelajar Berhutang 12
21. Pendaftaran Pelajar Berbiasiswa / Berpenaja 12
22. Kod Pendaftaran Kursus 13
23. Jam Kredit Pendaftaran Kursus 13

KANDUNGAN **MUKA SURAT**

BAHAGIAN E
PENGECUALIAN KURSUS
24. Pengecualian Kursus 14

BAHAGIAN F
PINDAH KREDIT
25. Pindah Kredit 15

BAHAGIAN G
URUSAN PENGAJIAN
26. Penangguhan Pengajian 17
27. Penangguhan Pengajian Bagi Aktiviti Gap Year 18
28. Pertukaran Program Pengajian 19
29. Berhenti Pengajian / Tarik Diri Daripada Pengajian 20
30. Gugur Nama (GN) Pelajar Yang Melepasi Tempoh Pengajian 20
31. Gugur Nama (GN) Pelajar Yang Tidak Mendaftar Kursus 21
32. Gugur Nama (GN) Pelajar Yang Disahkan Tidak Sihat Untuk Meneruskan Pengajian 21

BAHAGIAN H
KEHADIRAN KE AKTIVITI AKADEMIK
33. Kehadiran ke Kuliah 22
34. Keperluan Memenuhi 80 Peratus Kehadiran Ke Aktiviti Akademik 22

BAHAGIAN I
PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN
35. Penilaian / Peperiksaan Akhir 23
36. Kelayakan Menduduki Peperiksaan Akhir 24
37. Sekatan Menduduki Peperiksaan Akhir Bagi Pelajar Berhutang 24
38. Peperiksaan Ulangan Khas (ULK) 24
39. Peperiksaan Ulangan Gred Minimum (ULM) 24
40. Peperiksaan Gantian (PG) 25

BAHAGIAN J
MENGULANG KURSUS
41. Ulangan Gagal (ULF) 27
42. Ulang Tingkat Gred (ULT) 27

KANDUNGAN **MUKA SURAT**

BAHAGIAN K
SISTEM PENGGREDAN

43. Sistem Penggredan, Gred dan Nilaian Gred 28
44. Gred Tidak Lengkap (TL) 29
45. Gred Peperiksaan Gantian (PG) 29
46. Gred Audit (AU) 29
47. Keterangan Mengenai Gred dan Simbol Lain 30

BAHAGIAN L
STATUS PELAJAR

48. Status Akademik Pelajar 31
49. Senarai Kepujian Dekan / Sijil Dekan 31

BAHAGIAN M
RAYUAN

50. Rayuan Semakan Gred Kursus 32
51. Jawatankuasa Rayuan Semakan Gred Kursus 32
52. Rayuan Gagal dan Diberhentikan (GB) 33
53. Jawatankuasa Rayuan Gagal dan Diberhentikan (GB) 33
54. Semester Tambahan Bagi Pelajar Tahun Akhir Berstatus Gagal dan Diberhentikan (GB) 34

BAHAGIAN N
PENGIJAZAHAN

55. Kelayakan Bergraduat 35
56. Senarai Pelajar Layak Bergraduat 36
57. Hak Senat Untuk Menganugerahkan Ijazah 36
58. Pengkelasan Ijazah Sarjana Muda dan Diploma 36
59. Penganugerahan Ijazah Secara Anumerta dan Aegrotat 37

BAHAGIAN O
KEWANGAN

60. Urusan Berkaitan Yuran Pengajian 38
61. Tindakan Kepada Pelajar Berhutang 38

KANDUNGAN **MUKA SURAT**

BAHAGIAN P
SALAH LAKU AKADEMIK DAN TATATERTIB

62. Salah Laku Akademik dan Tatatertib 39

BAHAGIAN Q
PERUNTUKAN AM

63. Maklumat Peribadi 40
64. Kuasa Senat 40
65. Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti, Statut, Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 dan Peraturan-Peraturan Universiti 40
66. Penguatkuasaan Peraturan 40

LAMPIRAN-LAMPIRAN

LAMPIRAN 1	Keterangan Gred dan Simbol	42
LAMPIRAN 2 (a)	Contoh Pengiraan PNG, PNGK dan Penetapan Status Pelajar	45
LAMPIRAN 2 (b)	Pelajar Yang Diberi Status Amaran (Pelajar Yang Mendapat PNGK 1.00 Hingga 1.99)	46
LAMPIRAN 2 (c)	Pelajar Yang Diberi Status Percubaan (Pelajar Yang Gagal Mendapat PNGK 2.00 Semasa Mendapat Status Amaran Dan Mendapat PNGK 1.00 Hingga 1.99)	47
LAMPIRAN 2 (d)	Pelajar Yang Diberikan Status Gagal dan Diberhentikan (GB) (Pelajar Yang Mendapat PNGK 0.00 Hingga 0.99)	48
LAMPIRAN 2 (e)	Pelajar Yang Diberi Status 'Gagal Dan Diberhentikan' (Pelajar Gagal Mendapat PNGK 2.00 Semasa Mendapat Status Percubaan Dan Mendapat PNGK 1.00 -1.99)	49
LAMPIRAN 3	Salah Laku Akademik (Petikan kaedah 4, 5, 6, 7 dan 8, Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009	50

BAHAGIAN A
TAFSIRAN

1. “Dekan” ertinya ketua bagi sesuatu fakulti atau pusat atau bahagian tertentu yang dilantik oleh Naib Canselor.

2. “Dewan Peperiksaan” ertinya mana-mana ruang yang digunakan untuk tujuan peperiksaan, ujian dan lain-lain bentuk penilaian.

3. “Fakulti” ertinya mana-mana pusat Akademik di Universiti yang menawarkan program pengajian dan mempunyai pelajar.

4. “GB” ertinya pelajar yang mendapat keputusan Gagal dan Diberhentikan daripada pengajian,

5. “Gred” ertinya sesuatu penilaian dalam bentuk abjad,

6. “Gugur Nama” ertinya nama pelajar secara automatik akan digugurkan daripada senarai daftar Universiti kerana gagal membuat pendaftaran kursus dalam tempoh yang ditetapkan,

7. “Kuliah” ertinya perjumpaan formal yang ditetapkan bagi sesuatu kursus merangkumi pengajaran di bilik kuliah, makmal, kerja lapangan dan sebagainya mengikut tempoh masa yang ditetapkan,

8. “Kursus Elektif (ELF)” ertinya sesuatu kursus yang boleh dipilih oleh pelajar untuk menyokong bidang pengajian mengikut standard program atau memenuhi minat dan potensi masing-masing,

9. “Kursus Teras Universiti (TU)” ertinya sesuatu kursus wajib (YW) yang ditetapkan oleh Universiti untuk semua pelajar,

10. “Kursus Teras Program (TP)” ertinya sesuatu kursus wajib (YW) yang ditawarkan berdasarkan keperluan program masing-masing,

11. “Kursus Setara” ertinya sesuatu kursus yang dikenal pasti sebagai sama taraf dengan sesuatu kursus yang lain,

12. “Minggu” merujuk kepada minggu bagi proses akademik mengikut hari bekerja semasa yang terpakai di negeri Terengganu,

13. ”Pendaftaran Kursus” ertinya kursus yang didaftarkan dalam senarai pendaftaran kursus yang membolehkan pelajar menambah atau menggugurkannya mengikut tempoh yang ditetapkan,

14. “Pengecualian Kursus” ertinya kursus itu dikecualikan tetapi pelajar tidak mendapat kredit bagi kursus berkenaan dan kredit kursus yang dikecualikan tersebut perlu diganti,

15. “Pemeriksa” ertinya pegawai yang menjalankan tugas-tugas menyediakan kertas soalan peperiksaan dan skema jawapan, menentukan cara penilaian, memeriksa kertas jawapan atau menilai prestasi pelajar bagi kursus yang dipertanggungjawabkan,

16. “Peperiksaan” ertinya segala aspek penilaian seperti ujian, tugasan, kuiz, amali, kerja lapangan dan lain-lain yang ditetapkan oleh pemeriksa,

17. “Peperiksaan akhir” ertinya penilaian yang dilaksanakan pada akhir semester mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Senat.

18. “Pindah kredit” ertinya proses memindahkan kredit kursus yang telah diambil oleh pelajar dalam sesuatu program ke program lain yang membawa kepada penganugerahan kelayakan yang ditawarkan oleh institusi yang sama atau institusi yang berbeza.

19. “Prasyarat” ertinya kursus yang perlu diambil/lulus sebelum mengambil kursus lain yang ditetapkan.

20. “Purata Nilaian Gred (PNG)” ertinya jumlah mata nilaian gred dibahagi dengan jumlah kredit yang telah diambil bagi sesuatu semester,

21. “Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK)” ertinya jumlah mata nilaian terkumpul dibahagi dengan jumlah kredit terkumpul,

22. “Senat” ertinya sebuah badan kelulusan akademik tertinggi bagi Universiti yang mengawal, memberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan, peperiksaan, dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil serta kepujian akademik yang lain,

23. “Universiti” ertinya Universiti Malaysia Terengganu.

24. “PPPA” ertinya Pusat Pembangunan dan Pengurusan Akademik.

BAHAGIAN B
KEMASUKAN PELAJAR

1. Kemasukan Ke Program Pengajian

Pemohon mestilah memenuhi kesemua syarat am universiti yang ditetapkan oleh kementerian dan syarat khas program yang telah ditetapkan oleh Senat UMT.

2. Syarat Am Universiti

Lepasan	Syarat Am / Syarat Minimum
Lepasan SPM	Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat sekurang-kurangnya LIMA (5) kepujian termasuk Bahasa Melayu dan lulus dalam mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013 dalam peperiksaan SPM.
Lepasan STPM	a) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dan lulus mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013. Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu kertas Julai diambil kira; b) Mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 dengan Gred C dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am; DAN c) Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysia University English Test (MUET) mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.
Lepasan Matrikulasi KPM / Asasi	a) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dan lulus mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013. Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu kertas Julai diambil kira; b) Lulus Matrikulasi KPM / Asasi Sains UM / Asasi UiTM dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00; DAN c) Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysia University English Test (MUET) mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.
Lepasan STAM	a) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dan lulus mata pelajaran

	Sejarah mulai tahun 2013. Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu kertas Julai diambil kira; b) Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) dengan mendapat sekurang-kurangnya pangkat Jayyid; DAN c) Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysia University English Test (MUET) mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan.
Lepasan Diploma / Setaraf	a) Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu dan lulus mata pelajaran Sejarah mulai tahun 2013. Kepujian Bahasa Malaysia / Bahasa Melayu kertas Julai diambil kira; b) Memiliki kelulusan Diploma atau kelulusan lain yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan Malaysia dan diluluskan oleh Senat UA; ATAU c) Lulus Peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tahun 2018 dan sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya Gred C (NGMP 2.00) dalam tiga (3) mata pelajaran termasuk Pengajian Am; ATAU d) Lulus peperiksaan Matrikulasi / Asasi tahun 2018 dan sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya PNGK 2.00 ATAU e) Lulus peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) tahun 2017 dan sebelumnya dengan mendapat sekurang-kurangnya tahap Jayyid DAN f) Mendapat sekurang-kurangnya Tahap 1 (Band 1) dalam Malaysia University English Test (MUET) mengikut tempoh sah laku pada tarikh permohonan

3. Syarat Khas Program

Syarat khas program adalah berbeza mengikut program pengajian dan sebagaimana yang telah diluluskan oleh Senat UMT.

4. Penerimaan Tawaran

a) Pemohon perlu mengesahkan penerimaan tawaran dalam tempoh yang telah ditetapkan oleh universiti. Tempoh sah laku tawaran kemasukan adalah sepertimana yang dinyatakan dalam dokumen tawaran kemasukan.

b) Tawaran tersebut adalah terbatal/luput sekiranya calon gagal membuat pengesahan dan melapor diri selepas tamat tempoh yang ditetapkan.

c) Tawaran program adalah muktamad dan tidak boleh ditukar.

d) Pemohon yang telah diterima masuk dan didapati menipu atau membuat pengakuan palsu berhubung kelulusan yang dimiliki akan dibatalkan tawaran.

5. Kemasukan Pelajar Program Mobiliti

a) Program mobiliti terbahagi kepada mobiliti berkredit dan mobiliti tidak berkredit. Cadangan kemasukan pelajar ke program mobiliti adalah dibuat oleh pihak fakulti. PPPA akan mengeluarkan surat tawaran bagi kemasukan ke program ini.

b) Pelajar akan didaftarkan sebagai pelajar ‘non graduating’ mengikut peraturan dan prosedur yang ditetapkan.

c) Kaedah pelaksanaan serta syarat berkaitan kemasukan ke program adalah sebagaimana Buku Panduan Mobilti Pelajar yang telah dikeluarkan oleh Pusat Antarabangsa UMT.

BAHAGIAN C
SEMESTER, KREDIT DAN TEMPOH

6. Semester Biasa

a) Semester Biasa bermaksud Semester I dan Semester II (tidak termasuk Semester Pendek) dalam tempoh yang ditetapkan oleh Senat bagi sesuatu sesi akademik.

b) Setiap semester terdiri daripada 14 minggu kuliah, 1 minggu cuti pertengahan semester, 1 minggu ulang kaji dan 3 minggu peperiksaan akhir.

7. Semester Pendek

a) Semester Pendek bermaksud semester pengajian yang dilaksanakan semasa cuti akhir sesi akademik.

b) Semester ini terdiri daripada 8 minggu kuliah dan 1 minggu peperiksaan.

8. Semester Berikutnya

Semester berikutnya bermaksud semester yang mengikuti semester pengajian pelajar secara berturutan.

9. Kredit Bergraduat

a) Kredit bergraduat adalah sebagaimana yang telah ditetapkan mengikut skema program pengajian masing-masing.

b) Kredit bergraduat wajib dipenuhi bagi membolehkan pelajar bergraduasi. Pelajar bertanggungjawab memastikan kredit yang diambil adalah mencukupi berdasarkan skema yang ditetapkan.

10. Tempoh Pengajian

a) Tempoh pengajian pelajar adalah berdasarkan tempoh program yang diluluskan oleh kementerian.

b) Tempoh pengajian maksimum adalah sekali ganda daripada tempoh pengajian yang ditawarkan kecuali bagi program pengajian yang telah dinyatakan tempoh maksimum pengajiannya.

c) Pelajar boleh bergraduat lebih awal daripada tempoh minimum yang ditetapkan tertakluk kepada pelajar memenuhi keperluan program dan juga keperluan badan professional (sekiranya berkaitan).

d) Semester yang telah diluluskan penangguhan tidak dikira di dalam pengiraan tempoh pengajian minimum dan maksimum.

e) Pengiraan tempoh pengajian minimum dan maksimum bagi memenuhi keperluan program pengajian adalah seperti berikut;

Tempoh Program	Minimum	Maksimum
3 tahun / 6 semester	6 semester	12 semester
3 1/2 tahun / 7 semester	7 semester	14 semester
4 tahun / 8 semester	8 semester	16 semester

f) Pelajar hendaklah mematuhi tempoh pengajian yang telah ditetapkan. Kegagalan mematuhi tempoh pengajian yang ditetapkan akan menyebabkan nama pelajar digugurkan daripada daftar universiti.

BAHAGIAN D
PENDAFTARAN KURSUS

11. Pendaftaran Secara Berterusan

a) Pelajar perlu mendaftar secara berterusan dengan universiti setelah menerima program pengajian yang ditawarkan kepadanya.

b) Pelajar yang gagal mendaftar secara berterusan dengan universiti dalam tempoh yang ditetapkan akan secara automatiknya terhenti daripada menjadi pelajar dan namanya akan digugurkan daripada senarai daftar universiti.

c) Pelajar dianggap mendaftar secara berterusan apabila melakukan pendaftaran kursus pengajian mengikut tatacara yang telah ditetapkan.

12. Pendaftaran Kursus

a) Pelajar WAJIB melakukan pendaftaran kursus untuk layak meneruskan pengajian pada semester berikutnya.

b) Sistem pendaftaran kursus akan dibuka selewat-lewatnya dua (2) minggu sebelum semester bermula.

c) Pendaftaran kursus hendaklah dibuat melalui Portal MyNemo mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Pelajar yang tidak mendaftar mengikut kaedah yang ditetapkan adalah dianggap tidak mendaftar kursus.

d) Pelajar yang tidak membuat sebarang pendaftaran kursus setelah tamat tempoh pendaftaran yang ditetapkan akan digugurkan nama secara automatik daripada daftar universiti.

e) Pendaftaran kursus pelajar baharu (semester pertama) akan dilaksanakan secara automatik oleh PPPA kecuali bagi kursus kokurikulum dan kursus elektif.

f) Pendaftaran kursus hendaklah berdasarkan skema yang ditetapkan kepada setiap program pengajian.

g) Pelajar yang gagal mendaftar kursus disebabkan kecuaian sendiri (terlupa, tidak sedar dan sebagainya) dan tempoh pendaftaran telah tamat hendaklah mendaftar semula kursus berkenaan pada semester hadapan atau semester berikutnya ia ditawarkan.

h) Berikut adalah contoh kegagalan membuat pendaftaran kursus;

<u>Contoh 1</u>
Ali telah mengikuti kursus A dan mengambil segala ujian yang dibuat oleh Pensyarah. Semasa hendak menduduki peperiksaan akhir, Ali tidak dibenarkan memasuki dewan peperiksaan disebabkan nama beliau tiada dalam senarai pelajar

berdaftar. Ali memaklumkan bahawa dia telah mendaftar kursus A namun tiada bukti dapat diberikan dan tiada rekod pendaftaran dibuat oleh Ali. Berdasarkan peraturan, Ali adalah tidak berdaftar dan tidak layak menduduki peperiksaan. Pemarkahan dan kredit bagi Kursus A juga tidak akan dikira.

Contoh 2
Berdasarkan minat, Ina turut menghadiri Kursus B daripada awal sehingga lah ke akhir semester. Ina sedar bahawa dia tidak mendaftar Kursus B dan menghadiri kursus berkenaan secara suka-suka sahaja. Ina memohon untuk menduduki peperiksaan memandangkan telah mengikuti Kursus B sehingga tamat. Permohonan Ina disokong oleh Dekan. Berdasarkan peraturan, Ina adalah tidak berdaftar dan tidak layak untuk menduduki peperiksaan bagi kursus tersebut walaupun disokong oleh Dekan.

13. Penambahan dan Pengguguran Kursus

a) Tempoh penambahan dan pengguguran kursus adalah seperti berikut;

Semester Biasa

Perkara	Tempoh / Masa
Minggu akhir penambahan kursus tamat	Minggu ke-4
Minggu akhir pengguguran kursus tamat	Minggu ke-8
Semakan dan pengesahan kursus (termasuk kursus yang ditambah dan digugurkan)	Minggu ke-9
Kursus muktamad	Selepas Minggu ke-9

Semester Pendek

Perkara	Tempoh / Masa
Minggu akhir penambahan kursus tamat	Minggu ke-2
Minggu akhir pengguguran kursus tamat	Minggu ke-4
Semakan dan pengesahan kursus (termasuk kursus yang ditambah dan digugurkan)	Minggu ke-5
Kursus muktamad	Selepas Minggu ke-5

b) Pelajar adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan tiada sebarang kesilapan dalam rekod pendaftaran kursus. Pembetulan (sekiranya ada) hendaklah dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan oleh universiti.

c) Selepas minggu kesembilan (semester biasa) dan minggu kelima (semester pendek), segala maklumat yang didaftar dalam Sistem Maklumat Pelajar (SMP) adalah dianggap betul.

d) Pelajar yang tidak mengugurkan kursus yang telah didaftar dan tidak menghadirkan diri sepanjang semester akan mendapat Gred F bagi kursus tersebut.

14. Pendaftaran Kursus Di Luar Tempoh

a) Permohonan penambahan kursus di luar tempoh adalah tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan khas oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dengan sokongan Dekan Fakulti. Pertimbangan akan dibuat dengan mengambilkira kewajaran, ulasan PPPA dan faktor penentu yang berkaitan.

b) Faktor kecuaian (terlupa, salah faham, tidak sedar dan sebagainya) tidak akan diberikan keutamaan dalam pemberian kelulusan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

c) Sekiranya permohonan penambahan kursus di luar tempoh diluluskan, pelajar dikenakan denda sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Sahaja) bagi setiap kursus.

d) Status "Daftar Lewat Kursus (DLK)" akan dicatat dalam rekod bagi kelulusan penambahan kursus.

e) Permohonan rasmi untuk membuat pendaftaran kursus di luar tempoh hendaklah dikemukakan melalui PPPA untuk semakan dan proses berkaitan.

f) Berikut adalah contoh permohonan pendaftaran kursus di luar tempoh;

<u>Contoh 1</u>
Ahmad telah mendaftar kursus pada semester semasa dengan mengikuti kursus yang diambil oleh rakannya tanpa menyemak keperluan sebenar skema pengajian beliau. Pada minggu ke-6, Ahmad mendapati terdapat Kursus C yang perlu diambil oleh beliau tetapi tidak didaftarkan. Ahmad merayu kepada Dekan untuk mendaftar kursus C dan Dekan bersetuju membenarkan.
Berdasarkan peraturan, Ahmad tidak boleh mendaftar walaupun disokong oleh Dekan. Ahmad perlu mengemukakan permohonan untuk kelulusan khas Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).
Jika sekiranya kelulusan khas diberikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Ahmad perlu membayar sejumlah denda yang ditetapkan oleh universiti.
Jika kelulusan tidak diberikan (bukan keutamaan), Ahmad perlu mendaftar kursus berkenaan pada semester hadapan atau semester berikutnya ia ditawarkan.

15. Pengguguran Kursus / Tarik Diri Kursus (TDK) Di Luar Tempoh

a) Permohonan pengguguran kursus / tarik diri kursus (TDK) di luar tempoh adalah tidak dibenarkan kecuali dengan kelulusan khas oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

b) Sekiranya diluluskan, pelajar dikenakan denda sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia : Satu Ratus Sahaja) bagi setiap kursus.

c) Status "Tarik Diri Kursus (TDK)" akan dicatat dalam rekod bagi kelulusan pengguguran kursus.

d) Sekiranya permohonan pengguguran kursus / tarik diri kursus (TDK) di luar tempoh tidak diluluskan, pelajar dikehendaki meneruskan pengajiannya bagi kursus tersebut. Kegagalan mengikuti kursus berkenaan akan menyebabkan pelajar diberikan Gred F.

e) Pengguguran / tarik diri kursus (TDK) tidak dibenarkan sama sekali apabila tempoh minggu peperiksaan telah bermula.

f) Pelajar yang berhenti daripada menghadiri dan tidak mengikuti semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran sesuatu kursus tanpa pengguguran / penarikan diri secara rasmi akan diberikan Gred F.

g) Pengguguran kursus / tarik diri kursus (TDK) di luar tempoh atas alasan perubatan boleh dibuat pada bila-bila masa dengan disokong oleh laporan perubatan yang dikeluarkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar / Pusat Kesihatan Universiti / Hospital Kerajaan / Kaunselor yang bertauliah. Pelajar tidak dikenakan sebarang denda.

h) Permohonan rasmi untuk membuat pengguguran / tarik diri kursus di luar tempoh hendaklah dikemukakan melalui PPPA dengan sokongan Dekan Fakulti untuk semakan dan proses berkaitan.

16. Pendaftaran Kursus Berprasyarat

Pendaftaran kursus yang memerlukan prasyarat hanya boleh dibuat sekiranya pelajar telah mengambil kursus prasyarat atau kursus setara yang telah ditetapkan, tertakluk kepada keperluan program pengajian. Ini membolehkan pendaftaran kursus berprasyarat dan kursus prasyarat boleh diambil secara serentak.

17. Pendaftaran Kursus Audit (AUT)

a) Beberapa kursus boleh didaftar sebagai audit (AUT) dengan kebenaran pensyarah dan diluluskan oleh Dekan Fakulti pelajar yang berkenaan.

b) Pelajar perlu memenuhi keperluan kursus walaupun jam kredit kursus audit tidak dimasuk kira dalam pendaftaran atau pengiraan keputusan.

c) Kursus audit digredkan sebagai ‘AU’ dalam keputusan peperiksaan pelajar sekiranya lulus. Sekiranya gagal, kursus tersebut tidak dipaparkan dalam keputusan peperiksaan.

18. Pertukaran Taraf Kursus

a) Pertukaran taraf kursus wajib (YW) dan elektif (ELF) boleh dibuat pada bila-bila masa kecuali kursus audit (AUT), ulang kursus gagal (ULF) atau ulang kursus tingkat gred (ULT).

b) Pertukaran taraf kursus audit (AUT) boleh dibuat tidak lewat daripada hari terakhir minggu ketiga semester pengajian.

19. Pembatalan Pendaftaran Kursus

a) Pendaftaran kursus yang telah dilakukan akan terbatal sekiranya pelajar mendapat keputusan Gagal dan Diberhentikan (GB).

b) Pendaftaran kursus yang melebihi 12 kredit bagi pelajar yang berstatus amaran atau percubaan akan terbatal dan pendaftaran semula perlu dilakukan.

20. Pendaftaran Pelajar Berhutang

a) Pelajar yang tidak menjelaskan yuran pengajian atau masih berhutang (termasuk denda yang dikenakan oleh universiti jika ada) adalah tidak dibenarkan untuk mendaftar kursus pada semester berikutnya.

b) Kebenaran mendaftar hanyalah boleh diberikan oleh pihak Bendahari UMT tertakluk kepada pertimbangan dan budi bicara yang berkaitan.

21. Pendaftaran Pelajar Berbiasiswa / Berpenaja

a) Yuran pengajian bagi pelajar yang menerima biasiswa / tajaan daripada mana-mana agensi akan dituntut daripada penaja masing-masing.

b) Pelajar dibenarkan membuat pendaftaran kursus walaupun tidak membayar yuran semasa pendaftaran dilaksanakan.

22. Kod Pendaftaran Kursus

a) Kod pendaftaran kursus adalah seperti yang disenaraikan dalam Portal MyNemo. Identifikasi kod kursus adalah seperti berikut;

Digit Pertama (Selepas Abjad)	Tahap
2	Diploma sahaja
3	Sarjana Muda sahaja
4	Sarjana Muda, Sijil Pascasiswazah, Diploma Pascasiswazah dan Sarjana
5 & 6	Sarjana & PhD

b) Kursus kokurikulum berkod 2 atau 3 boleh diambil oleh semua pelajar.

c) Pelajar Diploma dibenarkan mengambil kursus digit pertama 3 bagi kursus teras universiti mengikut skema yang ditetapkan. Bagi kursus elektif, pelajar Diploma hanya boleh mengambil kursus digit pertama 3 berdasarkan kursus yang ditetapkan penawaran oleh pihak fakulti sahaja termasuk mana-mana kursus dari fakulti/pusat Pendidikan lain.

23. Jam Kredit Pendaftaran Kursus

a) Semester Biasa

i. Pelajar yang berstatus Lulus mestilah mendaftar sekurang-kurangnya 12 jam kredit kecuali kes pindah kredit dan pelajar tahun akhir.

ii. Jumlah kredit maksimum bagi semester biasa adalah 20 jam kredit tertakluk kepada skema program pengajian masing-masing.

iii. Pendaftaran melebihi jumlah kredit maksimum adalah dengan kelulusan khas Dekan tetapi tidak boleh melebihi 24 jam kredit sahaja.

iv. Pelajar yang mendapat status Amaran atau Percubaan hendaklah mendaftar tidak melebihi 12 jam kredit. Dalam keadaan tertentu, pelajar boleh mendaftar melebihi daripada 12 jam kredit tertakluk kepada kelulusan Dekan Fakulti pelajar yang berkenaan.

b) Semester Pendek

i. Pelajar yang berstatus Lulus mestilah mendaftar sekurang-kurangnya 7 jam kredit dan maksimum 10 jam kredit. Pelajar yang berstatus Amaran/Percubaan pada semester sebelum tidak dibenarkan membuat pendaftaran kursus pada semester pendek.

ii. Pendaftaran melebihi jumlah kredit maksimum adalah dengan kelulusan khas Dekan tetapi tidak boleh melebihi 14 jam kredit sahaja.

BAHAGIAN E
PENGECUALIAN KURSUS

24. Pengecualian Kursus

a) Pengecualian kursus merujuk kepada sesuatu kursus itu dikecualikan tetapi pelajar tidak mendapat kredit bagi kursus berkenaan dan kredit kursus yang dikecualikan tersebut perlu diganti.

b) Sekiranya pengecualian kursus itu akan menyebabkan keperluan kredit bergraduat tidak mencukupi, maka pelajar perlu mengambil kursus lain bagi menggantikan kursus tersebut.

c) Penambahan kursus ke dalam sesuatu program pengajian bagi membolehkan pelajar yang mendapat pengecualian kursus memenuhi keperluan kredit bergraduat adalah dibenarkan dengan syarat-syarat seperti berikut;

   i. Kursus yang ditambah perlulah kursus yang sama tahap.

   ii. Sekiranya program yang terlibat adalah program kerjasama, maka kursus yang ditambah boleh diambil sama ada dari program yang ditawarkan rakan kerjasama tersebut, atau dari program kerjasama yang lain.

   iii. Penambahan kursus kokurikulum juga dibenarkan.

   iv. Sekiranya kursus tambahan ini diambil dari program yang telah mendapat Akreditasi Sementara atau Akreditasi, maka kursus tersebut tidak perlu dinilai oleh MQA. Jika UMT menawarkan kursus baharu maka kursus tersebut perlu dinilai oleh MQA.

BAHAGIAN F
PINDAH KREDIT

25. Pindah Kredit

a) Pindah kredit adalah proses memindahkan kredit kursus yang telah diambil oleh pelajar dalam sesuatu program ke program lain yang membawa kepada penganugerahan kelayakan yang ditawarkan oleh institusi yang sama atau institusi yang berbeza. Proses ini membolehkan kredit bagi kursus yang dipindah kredit tersebut dikira sebagai sebahagian daripada keperluan kredit bergraduat program tersebut. Pada asasnya, kursus yang boleh dipindahkan kredit adalah kursus yang setara dengan kursus di program yang membawa kepada penganugerahan kelayakan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan.

b) Pindah kredit boleh dilakukan dalam dua kategori seperti berikut:
   i. Vertikal - pemindahan kredit daripada peringkat rendah ke peringkat yang lebih tinggi.
   ii. Horizontal - pemindahan kredit daripada program di tahap kelayakan yang sama.

c) Dasar pindah kredit perlu berasaskan kepada pemetaan kursus (subject to subject mapping) dan tertakluk kepada syarat umum pindah kredit iaitu:
   i. Gred lulus- gred minimum iaitu gred C
   ii. Kesetaraan kurikulum kursus-tidak kurang 80%; dan
   iii. Kursus yang boleh dipindah kredit hendaklah daripada program yang telah mendapat Akreditasi (termasuk Akreditasi Sementara) / Pengiktirafan dari badan berautoriti di negara berkenaan.

d) Kursus yang diberi pindah kredit secara horizontal boleh diberi dengan gred atau tanpa gred.

Dengan Gred

Kursus yang diberi pindah kredit secara horizontal boleh diberi dengan gred kepada pelajar yang masih dalam sistem (masih dalam pengajian);

i. Pelajar yang masih aktif dan bertukar program pengajian dalam UMT. Contoh: Pelajar Sarjana Muda Sains (Sains Biologi) bertukar program pengajian ke Sarjana Muda Sains (Sains Marin).
ii. Pelajar yang masih aktif dan berpindah dari IPT lain. Contoh: Pelajar Sarjana Muda Pemasaran dari UUM bertukar universiti ke program Sarjana Muda Pengurusan Pelancongan di UMT.

Tanpa Gred

Kursus yang diberi pindah kredit secara horizontal boleh diberi tanpa gred kepada pelajar yang yang telah keluar daripada sistem iaitu pelajar yang telah tamat pengajian atau berhenti pengajian atau yang telah mencapai tahap kompetensi dalam kursus berkenaan;

i. Pelajar yang telah memiliki kelayakan dari IPT dan ingin melanjutkan pengajian untuk kali kedua pada peringkat kelayakan yang sama di UMT.
Contoh: Pelajar yang telah bergraduat dari program Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan) dan ingin melanjutkan pengajian kali kedua dalam program pengajian Sarjana Muda Sains (Sains Marin)
Contoh: Pelajar yang telah bergraduat dari program Sarjana Muda Pemasaran dari UUM dan melanjutkan pengajian kali kedua dalam program pengajian Sarjana Muda Kaunseling di UMT.

ii. Pelajar berhenti pengajian dari IPT dan menyambung semula pengajian di peringkat yang sama di UMT.
Contoh: Pelajar telah berhenti pengajian dari program Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) dan menyambung semula pengajian dalam program Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar).
Contoh: Pelajar telah berhenti pengajian dari program Sarjana Perakaunan di UUM dan menyambung pengajian semula dalam program Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam) di UMT.

e) Pelajar yang telah mengambil sesuatu kursus dalam program pengajian semasa tidak dibenarkan untuk memohon pindah kredit bagi kursus tersebut.

f) Pindah kredit pelajar dari institusi luar negara adalah dibenarkan tertakluk kepada syarat yang berkuatkuasa.

g) Permohonan pindah kredit hanya boleh dimohon sehingga **minggu kedua** pada Semester 1 dan Semester 2 pada tahun pertama pengajian.

h) Pelajar tahun pertama yang memohon pindah kredit di luar tempoh yang ditetapkan sepertimana para (g) tetapi tidak melebihi minggu keenam akan dikenakan denda sebanyak RM100.00 (Ringgit Malaysia: Satu Ratus) bagi setiap kursus yang dimohon pindah kredit. Fakulti dibenarkan mempertimbangkan permohonan pelajar setelah pelajar membayar denda berkenaan terlebih dahulu tanpa mengira permohonan berkenaan berjaya atau tidak.

i) Kursus yang dimohon pindah kredit hendaklah telah diambil dalam tempoh tidak melebihi lima (5) tahun dari tarikh permohonan. Sebarang permohonan pindah kredit melebihi lima (5) tahun perlu mendapat kelulusan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

j) Fakulti berhak menetapkan atau mengenakan syarat-syarat tertentu untuk pelajar, jika perlu, dalam bentuk temuduga atau peperiksaan khas.

k) Kursus yang diberi pindah kredit sama ada secara vertikal atau horizontal akan direkod dalam rekod akademik pelajar.

l) Pindah kredit akan dinilai semula sekiranya pertukaran program pengajian berlaku.

m) Garis panduan penuh bagi pindah kredit adalah sebagaimana garis panduan pindah kredit UMT.

BAHAGIAN G
URUSAN PENGAJIAN

26. Penangguhan Pengajian

a) Pelajar Baharu

i. Pelajar baharu tidak dibenarkan sama sekali untuk menangguh pengajian kecuali atas alasan kes perubatan sahaja.

ii. Permohonan penangguhan atas alasan perubatan boleh dibuat dengan disokong oleh laporan perubatan yang dikeluarkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar / Pusat Kesihatan Universiti / Hospital Kerajaan atau Swasta / Kaunselor yang bertauliah.

iii. Alasan perubatan adalah tidak termasuk kes bersalin atau apa-apa juga sakit, penyakit, kecederaan atau ketidakupayaan kesihatan yang disengajakan oleh pelajar.

iv. Penangguhan pengajian bagi kes perubatan sekiranya diluluskan boleh dibuat sekaligus bagi dua (2) semester berturut.

v. Bagi kes perubatan, pelajar dibenarkan menangguh pengajian sehingga maksimum empat (4) semester berturut. Sekiranya pelajar masih memerlukan penangguhan selepas 4 semester, perakuan Pengamal Perubatan Berdaftar / Pusat Kesihatan Universiti / Hospital Kerajaan atau Swasta / Kaunselor yang bertauliah hendaklah diperolehi bagi menentukan sama ada pelajar boleh meneruskan pengajian ataupun ditamatkan pengajiannya.

vi. Tempoh penangguhan pengajian tidak diambil kira dalam tempoh pengajian yang ditetapkan.

vii. Permohonan penangguhan pengajian hendaklah dikemukakan kepada PPPA untuk semakan dan proses berkaitan.

b) Pelajar Lama / Sedia Ada (Semester 2 dan ke atas)

i. Pelajar semester 2 dan ke atas boleh menangguhkan pengajian dengan kelulusan Dekan Fakulti pelajar.

ii. Bagi semester biasa, permohonan penangguhan pengajian hendaklah dikemukakan kepada PPPA dalam tempoh empat minggu pertama semester.

iii. Bagi semester pendek, permohonan penangguhan pengajian hendaklah dikemukakan kepada PPPA dalam tempoh dua minggu pertama semester.

iv. Permohonan penangguhan pengajian di luar tempoh yang ditetapkan adalah tidak dibenarkan sama sekali kecuali kes khas yang munasabah sahaja.

v. Permohonan penangguhan pengajian di luar tempoh bagi kes khas yang munasabah perlulah mendapat sokongan Dekan Fakulti dan kelulusan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

vi. Permohonan atas alasan perubatan boleh dibuat pada bila-bila masa dengan disokong oleh laporan perubatan yang dikeluarkan oleh Pengamal Perubatan Berdaftar / Pusat Kesihatan Universiti / Hospital Kerajaan atau Swasta / Kaunselor yang bertauliah.

vii. Alasan perubatan adalah tidak termasuk kes bersalin atau apa-apa juga sakit, penyakit, kecederaan atau ketidakupayaan kesihatan yang disengajakan oleh pelajar.

viii. Bagi kes peribadi, penangguhan pengajian sekiranya diluluskan, hanyalah dibenarkan untuk satu (1) semester sahaja bagi setiap permohonan. Permohonan tidak boleh dibuat sekaligus bagi dua (2) semester berturut. Pelajar hanya dibenarkan membuat penangguhan sebanyak dua (2) kali sahaja sepanjang pengajian.

ix. Bagi kes perubatan pula, penangguhan pengajian sekiranya diluluskan boleh dibuat sekaligus bagi dua (2) semester berturut. Pelajar dibenarkan menangguh pengajian sehingga maksimum empat (4) semester berturut. Sekiranya pelajar masih memerlukan penangguhan selepas 4 semester, perakuan Pengamal Perubatan Berdaftar / Pusat Kesihatan Universiti / Hospital Kerajaan atau Swasta / Kaunselor yang bertauliah hendaklah diperolehi bagi menentukan sama ada pelajar boleh meneruskan pengajian ataupun ditamatkan pengajiannya.

x. Pelajar tidak dibenarkan sama sekali menangguh pengajian semasa atau selepas minggu peperiksaan akhir semester.

xi. Tempoh penangguhan pengajian tidak diambil kira dalam tempoh pengajian yang ditetapkan.

27. Penangguhan Pengajian Bagi Aktiviti Gap Year

a) *Gap Year* bermaksud tempoh penangguhan pengajian pelajar bagi mengikuti aktiviti khidmat negara, kesukarelawanan dan aktiviti umum lain yang diluluskan oleh Senat bagi tempoh minimum satu (1) semester sehingga maksimum dua (2) semester.

b) Pelajar hanya dibenarkan menangguh atas alasan *gap year* setelah menjalani sekurang-kurangnya 1 sesi pengajian.

c) Permohonan penangguhan beserta dokumen lengkap yang diluluskan oleh Dekan Fakulti hendaklah dikemukakan kepada PPPA untuk tindakan selanjutnya.

d) Penangguhan atas alasan *gap year* tidak diambil kira di dalam pengiraan tempoh minimum dan maksimum pengajian.

28. Pertukaran Program Pengajian

a) Pertukaran program hanya dibenarkan untuk program daripada aliran yang sama sahaja dengan kelulusan Dekan Fakulti;

   i. Aliran sains / teknologi hanya boleh bertukar ke program-program aliran sains / teknologi
   ii. Aliran sastera hanya boleh bertukar ke program-program aliran sastera

b) Pertukaran program bagi aliran yang berbeza boleh dipertimbangkan dengan sokongan Dekan Fakulti dan kelulusan khas Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

c) Pelajar dibenarkan bertukar program sekali sahaja sepanjang pengajian.

d) Pelajar baharu tidak dibenarkan untuk bertukar program. Permohonan pertukaran program hanya boleh dibuat selepas pelajar menamatkan semester pertama pengajian.

e) Pelajar mestilah sekurang-kurangnya berstatus lulus dalam semester yang sedang diikuti dan memiliki Purata Nilaian Gred Kumulatif **(**PNGK) 2.00 dan ke atas.

f) Keputusan dan Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK) dalam program asal tidak dikira pada program baharu.

g) Permohonan pertukaran program hendaklah dikemukakan kepada PPPA dalam tempoh dua minggu pertama semester pengajian.

h) Pelajar dikehendaki membuat proses gugur tambah kursus dengan segera mengikut peraturan yang ditetapkan sekiranya permohonan pertukaran program diluluskan.

i) Pelajar perlu meneruskan pengajian mengikut program asal sekiranya permohonan tidak diluluskan.

j) Kelulusan untuk menukar program hendaklah diperolehi daripada penaja/penganjur bagi pelajar yang mendapat tajaan / biasiswa / demasiswa / pinjaman atau sebagainya.

k) Pihak universiti tidak bertanggungjawab sekiranya tajaan / biasiswa / demasiswa / pinjaman atau sebagainya ditamatkan /dihapuskan setelah pelajar bertukar program pengajian.

29. Berhenti Pengajian / Tarik Diri Daripada Pengajian

a) Pelajar dibenarkan untuk berhenti atau menarik diri daripada program pengajian yang diikuti atas alasan-alasan tertentu dengan membuat permohonan secara rasmi kepada universiti.

b) Pelajar perlu mendapatkan kelulusan Dekan Fakulti sebelum menghantar permohonan kepada PPPA.

c) Keputusan penarikan diri adalah muktamad dan tidak boleh ditarik balik.

d) Pelajar tidak boleh merayu untuk kembali meneruskan pengajian bagi yang telah diluluskan penarikan diri.

e) Segala kursus-kursus yang telah diambil dan diikuti sebelum ini adalah dianggap tidak sah dan terbatal.

f) Tarikh kuatkuasa tarik diri adalah bermula daripada tarikh kelulusan Dekan.

30. Gugur Nama (GN) Pelajar Yang Melepasi Tempoh Pengajian

a) Pelajar yang telah melepasi tempoh pengajian maksimum yang ditetapkan mengikut program pengajian akan digugurkan nama daripada senarai daftar universiti.

b) Pelajar yang telah digugurkan nama boleh merayu kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dengan sokongan Dekan Fakulti untuk didaftarkan semula sebagai pelajar.

c) Rayuan hanya dibenarkan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

d) Pelajar yang telah diluluskan rayuan untuk menyambung semula pengajian hanya boleh mendaftar semula pengajian pada semester berikutnya. Pendaftaran pada semester semasa atau semester namanya digugurkan daripada daftar universiti adalah tidak dibenarkan.

e) Kebenaran untuk menyambung semula pengajian adalah dalam tempoh lima (5) tahun sahaja selepas pelajar gugur nama.

31. Gugur Nama (GN) Pelajar Yang Tidak Mendaftar Kursus

a) Pelajar yang gagal membuat pendaftaran kursus dalam tempoh yang ditetapkan adalah secara automatik namanya akan digugurkan daripada senarai daftar universiti.

b) Pelajar yang telah digugurkan nama boleh merayu kepada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dengan sokongan Dekan Fakulti untuk didaftarkan semula sebagai pelajar.

c) Rayuan hanya dibenarkan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

d) Pelajar yang telah diluluskan rayuan untuk menyambung semula pengajian hanya boleh mendaftar semula pengajian pada semester berikutnya. Pendaftaran pada semester semasa atau semester namanya digugurkan daripada daftar universiti adalah tidak dibenarkan.

e) Kebenaran untuk menyambung semula pengajian adalah dalam tempoh lima (5) tahun sahaja selepas pelajar gugur nama.

f) Gugur nama tidak akan dikenakan kepada pelajar yang gagal membuat pendaftaran kursus bagi semester pendek.

32. Gugur Nama (GN) Pelajar Yang Disahkan Tidak Sihat Untuk Meneruskan Pengajian

a) Pelajar yang disahkan tidak sihat untuk meneruskan pengajian setelah membuat penangguhan semester sebanyak empat (4) kali atas alasan perubatan akan digugurkan nama daripada senarai daftar universiti tertakluk kepada status pengesahan kesihatan.

b) Sekiranya pelajar merayu untuk kemasukan semula, pengesahan status kesihatan akan dibuat oleh Pengamal Perubatan Berdaftar / Pusat Kesihatan Universiti / Hospital Kerajaan atau Swasta / Kaunselor yang bertauliah sebelum dipertimbangkan untuk menyambung pengajian.

c) Rayuan hanya dibenarkan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian.

d) Pelajar yang telah diluluskan rayuan untuk menyambung semula pengajian hanya boleh mendaftar semula pengajian pada semester berikutnya. Pendaftaran pada semester semasa atau semester namanya digugurkan daripada daftar universiti adalah tidak dibenarkan.

BAHAGIAN H
KEHADIRAN KE AKTIVITI AKADEMIK

33. Kehadiran Ke Kuliah

a) Pelajar perlu menghadiri semua bentuk pertemuan yang ditetapkan oleh kursus yang diikuti (kuliah / amali / kerja lapangan / dan sebagainya).

b) Hanya pelajar yang mendaftar kursus berkenaan sahaja dibenarkan mengikuti kursus tersebut.

c) Pertemuan boleh diadakan secara bersemuka atau secara dalam talian tertakluk kepada keperluan.

d) Pelajar perlu memaklumkan sebab-sebab ketidakhadiran kepada pensyarah dengan kadar segera jika gagal hadir ke pertemuan yang ditetapkan.

e) Kehadiran pelajar hendaklah direkodkan oleh pensyarah bagi setiap pertemuan yang diadakan.

34. Keperluan Memenuhi 80 Peratus Kehadiran Ke Aktiviti Akademik

a) Pelajar perlu menghadiri tidak kurang 80% daripada jumlah jam keseluruhan bagi kursus pengajian yang didaftarkan.

b) Pelajar boleh dihalang untuk mengikuti penilaian / peperiksaan akhir jika jumlah kehadiran adalah kurang daripada 80% bagi sesuatu kursus dalam semester tanpa sebab yang munasabah yang boleh diterima oleh universiti.

c) Tatacara dan sistem pengawasan kehadiran pelajar dalam kuliah adalah tertakluk kepada peraturan universiti.

BAHAGIAN I
PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

35. Penilaian / Peperiksaan Akhir

a) Setiap pelajar yang mengikuti kursus bagi program pengajian peringkat diploma dan sarjana muda UMT mesti melalui penilaian berterusan mengikut ketetapan Senat.

b) Penilaian berterusan boleh dibuat dalam bentuk tugasan, kuiz, ujian, kerja lapangan, projek, amali dan lain-lain yang bersesuaian mengikut keperluan kursus.

c) Pensyarah hendaklah memaparkan perincian markah yang diperolehi oleh pelajar selewat-lewatnya pada minggu ke-14 bagi penilaian berterusan yang telah dilaksanakan.

d) Bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir, markah penilaian yang diberikan untuk peperiksaan akhir adalah 40%. Walaubagaimanapun, penilaian keputusan selain daripada 40% adalah tertakluk kepada kelulusan Senat.

e) Penilaian sesuatu kursus boleh diadakan pada masa dan tempat yang ditetapkan oleh pemeriksa kecuali peperiksaan akhir.

f) Peperiksaan akhir boleh dijalankan secara bersemuka di dalam dewan peperiksaan ataupun secara dalam talian tertakluk kepada notis yang dikeluarkan.

g) Peperiksaan akhir adalah penilaian bertulis yang diadakan selepas minggu ke-8 (semester pendek) dan minggu ke-14 (semester biasa) dalam pelbagai bentuk soalan yang komprehensif dan memenuhi keperluan hasil pembelajaran kursus.

h) Semua peperiksaan akhir dilaksanakan mengikut kalendar akademik yang telah ditetapkan oleh Senat. Sebarang peperiksaan yang hendak diadakan di luar minggu peperiksaan tidak dibenarkan kecuali mendapat kebenaran daripada Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa).

i) Sebarang peperiksaan yang hendak diadakan di luar minggu peperiksaan atau dalam kaedah yang berbeza, **sekiranya dibenarkan**, hendaklah diuruskan sendiri oleh fakulti yang menawarkan kursus.

j) Peperiksaan akhir bagi kursus sama yang dilaksanakan di lokasi berbeza hendaklah dijalankan secara serentak.

k) Tempoh masa peperiksaan akhir hendaklah sekurang-kurangnya 2 jam.

l) Proses peperiksaan hendaklah dijalankan mengikut Notis dan Arahan Peperiksaan yang dikeluarkan oleh PPPA dari semasa ke semasa.

m) Setiap kursus perlu digred mengikut skema penggredan yang telah ditetapkan di dalam Peraturan Akademik.

36. Kelayakan Menduduki Peperiksaan Akhir

a) Pelajar wajib menduduki peperiksaan akhir bagi sesuatu kursus yang telah didaftarnya. Markah sifar hendaklah diberi kepada pelajar yang gagal hadir ke peperiksaan akhir bagi kursus tersebut.

b) Pelajar yang tidak hadir atau yang dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir sesuatu kursus, hendaklah diberikan gred akhir berdasarkan kepada markah penilaian yang terkumpul bagi kursus tersebut.

c) Pelajar yang tidak menghadiri kuliah / aktiviti akademik lebih daripada 20% boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir.

d) Bagi peperiksaan yang dijalankan secara bersemuka, hanya pelajar yang mempunyai slip peperiksaan sahaja dibenarkan memasuki dewan peperiksaan.

e) Bagi peperiksaan yang dijalankan secara dalam talian, kelayakan pelajar untuk menduduki peperiksaan adalah ditentukan oleh pensyarah / fakulti.

f) Pelajar yang tidak mendaftar bagi sesuatu kursus tidak boleh memohon untuk turut menduduki peperiksaan bagi kursus tersebut.

g) Kelayakan menduduki peperiksaan akhir adalah sebagaimana arahan yang dikeluarkan oleh pihak universiti.

37. Sekatan Menduduki Peperiksaan Akhir Bagi Pelajar Berhutang

a) Pelajar yang mempunyai hutang yuran pengajian boleh dihalang daripada menduduki peperiksaan akhir.

b) Slip peperiksaan tidak akan dikeluarkan kepada pelajar yang berhutang sehinggalah hutang berkenaan dijelaskan atau mendapat kebenaran pihak Bendahari UMT.

38. Peperiksaan Ulangan Khas (ULK)

a) Pelajar tahun akhir pengajian yang memerlukan hanya SATU (1) kursus (tidak termasuk Latihan Industri (LI)) bagi tujuan graduat boleh memohon untuk menduduki Peperiksaan Ulangan Khas (ULK).

b) Pelaksanaan ULK hendaklah dibuat mengikut prosedur peperiksaan asal dan dikendalikan sepenuhnya oleh fakulti yang menawarkan kursus tersebut tertakluk kepada syarat berikut;

   i. Pelajar tahun akhir yang lulus dengan taraf kedudukan Lulus (mendapat sekurang-kurangnya 2.00 ke atas), tetapi gagal dalam SATU (1) kursus yang

diambil dalam mana-mana DUA (2) semester terakhir pengajian, tidak termasuk semester di mana pelajar menjalani latihan Industri/Praktikum.

ii. Pelajar hanya dibenarkan mengambil ULK pada semester terakhir pengajian. Kebenaran menduduki ULK tertakluk kepada kelulusan Dekan Fakulti yang menawarkan kursus tersebut.

iii. ULK tidak boleh diadakan bagi kursus yang tidak ada peperiksaan akhir.

iv. ULK tidak boleh diambil oleh pelajar yang tidak menduduki peperiksaan akhir.

v. ULK hanya boleh diambil sekali sahaja, dan sekiranya pelajar masih gagal hendaklah mengulang semula kursus tersebut.

vi. Gred kursus bagi pelajar yang menduduki ULK diambil kira sepenuhnya berdasarkan kepada markah peperiksaan tersebut sahaja serta diambil kira dalam pengiraan PNG dan PNGK.

vii. Permohonan menduduki ULK hendaklah dibuat dalam tempoh 2 minggu selepas keputusan peperiksaan akhir diumumkan dan dikemukakan kepada PPPA dengan disertakan bayaran yuran RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima puluh).

viii. Pelajar yang digagalkan kursus kerana sabit kesalahan salah laku akademik di bawah Peruntukan 8, Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 adalah tidak layak memohon ULK.

39. Peperiksaan Ulangan Gred Minimum (ULM)

a) Pelajar tahun akhir yang telah lulus semua kursus yang ditetapkan sebagai syarat bergraduat tetapi gagal mendapat gred minimum untuk bergraduat bagi kursus *English For Occupational Purposes* (EOP) dibenarkan untuk mengambil Peperiksaan Ulangan Gred Minimum (ULM).

b) Pelajar yang masih gagal mendapat gred minimum kursus EOP selepas menduduki ULM boleh mengulang semula kursus ini dengan taraf Ulang Tingkat Gred (ULT) pada semester berikutnya.

40. Peperiksaan Gantian (PG)

a) Pelaksanaan Peperiksaan Gantian (PG) hendaklah dibuat mengikut prosedur peperiksaan asal dan dikendalikan sepenuhnya oleh fakulti yang menawarkan kursus tersebut.

b) PG adalah tertakluk kepada syarat berikut;

i. Pelajar yang memohon untuk menduduki PG kerana masalah kesihatan, hendaklah mendapatkan sijil cuti sakit / laporan perakuan kesihatan daripada Pusat Kesihatan Universiti, hospital kerajaan atau mana-mana sijil cuti sakit / laporan perakuan kesihatan yang disahkan oleh Pusat Kesihatan Universiti UMT. Sijil cuti sakit/ laporan perakuan kesihatan perlu dikemukakan kepada PPPA dalam tempoh 24 jam selepas tarikh peperiksaan yang patut didudukinya kecuali atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan.

ii. PG hendaklah diadakan selewat-lewatnya seminggu daripada tarikh akhir minggu peperiksaan.

iii. Sekiranya pelajar masih dalam cuti sakit selepas 2 minggu semester biasa berikutnya dibuka, simbol KP (Kes Perubatan) diberi bagi kursus tersebut. Pelajar dikehendaki mengikuti semula kursus berkenaan pada semester berikutnya.

iv. Selain daripada kes kesihatan, kebenaran menduduki PG adalah tertakluk kepada kelulusan Dekan Fakulti yang menawarkan kursus tersebut.

BAHAGIAN J
MENGULANG KURSUS

41. Ulangan Gagal (ULF)

a) Pelajar diwajibkan untuk lulus semua kursus wajib. Sekiranya gagal, pelajar perlu mengulang kursus tersebut dalam tempoh pengajiannya sehingga lulus.

b) Bagi kursus elektif pula, pelajar yang gagal hendaklah mengulang kursus tersebut atau menggantikannya dengan kursus yang lain sehingga lulus.

c) Gred yang diperolehi bagi sesuatu kursus yang diulang akan dicatat dan diambilkira dalam pengiraan Purata Nilaian Gred (PNG). Gred yang terbaik akan diambil kira dalam pengiraan Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK).

42. Ulang Tingkat Gred (ULT)

a) Pelajar boleh mengulang semula kursus yang telah diambil bagi tujuan meningkatkan gred kursus yang diperoleh.

b) Kursus hanya boleh diulang sekali sahaja tertakluk kepada kelulusan pensyarah kursus yang berkenaan.

c) Gred yang diperolehi bagi sesuatu kursus yang diulang akan dicatat dan diambilkira dalam pengiraan Purata Nilaian Gred (PNG). Gred yang terbaik di antara gred asal dan gred terkini akan diambil kira dalam pengiraan Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK).

d) Kursus yang telah diberikan pengecualian/pindah kredit tidak boleh didaftarkan semula oleh pelajar bagi maksud meningkatkan purata nilaian gred keseluruhan. Pelajar hanya boleh mengambil semula kursus tersebut sebagai kursus audit sahaja.

BAHAGIAN K
SISTEM PENGGREDAN

43. Sistem Penggredan, Gred dan Nilaian Gred

a) Sistem penggredan, gred abjad dan mata nilaian gred adalah seperti jadual berikut;

Markah	Gred Abjad	Mata Nilaian Gred	Keterangan Gred
80 – 100	A	4.00	Cemerlang
75 – 79	A-	3.75	
70 – 74	B+	3.50	Baik
65 - 69	B	3.00	
60 - 64	B-	2.75	
55 - 59	C+	2.50	Memuaskan
50 - 54	C	2.00	
45 – 49	C-	1.75	Lemah
40 - 44	D	1.00	
39 atau kurang	F	0.00	Gagal

b) Program pengajian yang dikawal melalui standard program, keterangan gred adalah tertakluk kepada standard program tersebut (rujuk kepada buku panduan fakulti).

c) Penentuan gred abjad adalah berdasarkan markah yang diperoleh bagi sesuatu kursus.

d) Pelajar Sarjana Muda Perakaunan mulai Sesi Akademik 2014/2015, kursus Teras Program (kursus yang bermula dengan kod ACT) wajib diulang sekiranya mendapat gred C- dan ke bawah.

e) Pengiraan Mata Nilaian adalah berdasarkan gred abjad yang diperoleh bagi sesuatu kursus dan jumlah kredit kursus. Kaedah pengiraan adalah seperti berikut;

Mata Nilaian = Mata Nilaian Gred x Jumlah Jam Kredit kursus

Purata Nilaian Gred (PNG) = $\frac{\text{Jumlah mata nilaian gred}}{\text{Jumlah kredit}}$

Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK) = $\frac{\text{Jumlah timbunan mata nilaian}}{\text{Jumlah timbunan kredit}}$

44. Gred Tidak Lengkap (TL)

a) Gred TL boleh dipertimbangkan kepada pelajar yang tidak dapat memenuhi sebahagian daripada keperluan sesuatu kursus yang berbentuk praktikal atau tugasan sahaja iaitu;
   i) Latihan Industri (LI) dengan 12 jam kredit dan ke atas
   ii) Latihan Industri (LI) yang dijalankan di luar semester
   iii) Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA)
   iv) Kerja Lapangan

b) Gred TL juga boleh diberikan bagi kursus-kursus mobiliti yang belum mendapat markah.

c) Gred TL tidak boleh diberikan kepada kursus selain daripada yang dinyatakan di atas atau kursus yang tidak sempat diberikan pemarkahan oleh pensyarah atas apa jua alasan. Pengecualian boleh diberikan jika diluluskan oleh Senat atau Jawatankuasa yang ditentukan oleh Senat.

d) Markah bagi Gred TL hendaklah dimasukkan sehingga minggu kedua semester biasa berikutnya.

45. Gred Peperiksaan Gantian (PG)

a) Gred PG diberikan kepada kepada pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan akhir dan telah mendapat kelulusan untuk menduduki pepeiksaan gantian mengikut syarat yang telah ditetapkan.

b) Peperiksaan gantian hendaklah diadakan selewat-lewatnya seminggu daripada tarikh akhir minggu peperiksaan.

c) Sekiranya pelajar mempunyai masalah kesihatan, PG boleh dibenarkan dalam suatu tempoh yang lain sebelum semester berikutnya bermula.

d) Bagi pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan gantian selepas 2 minggu semester biasa berikutnya dibuka kerana masih dalam cuti sakit, simbol **KP** (Kes Perubatan) akan diberikan bagi kursus yang berkenaan. Pelajar perlu mendaftar semula kursus tersebut pada semester berikutnya.

46. Gred Audit (AU)

a) Gred AU menunjukkan bahawa pelajar telah mendaftar, menghadiri dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus. Gred ini akan dipaparkan dalam keputusan peperiksaan pelajar sekiranya lulus kursus tersebut.

b) Mata nilaian tidak diberikan bagi sesuatu kursus audit.

47. Keterangan Mengenai Gred dan Simbol Lain

Keterangan mengenai gred, status dan simbol yang lain boleh dirujuk pada **Lampiran 1.**

BAHAGIAN L
STATUS PELAJAR

48. Status Akademik Pelajar

a) Status akademik seseorang pelajar pada semester semasa ditentukan oleh keputusan peperiksaan semester sebelumnya.

b) Status akademik pelajar ditentukan seperti berikut;

Status Akademik	Purata Nilaian Gred Kumulatif (PNGK)	Rujukan
Lulus	Mendapat PNGK 2.00 hingga 4.00	Lampiran 2 (a)
Amaran	Mendapat PNGK di antara 1.00 hingga 1.99	Lampiran 2 (b)
Percubaan	Gagal mendapat PNGK 2.00 atau lebih semasa mendapat status Amaran	Lampiran 2 (c)
Gagal dan Diberhentikan	Mendapat PNGK 0.00 hingga 0.99 ATAU	Lampiran 2 (d)
	Gagal mendapat PNGK 2.00 atau lebih semasa mendapat status Percubaan	Lampiran 2 (e)

c) Tiada status akademik semasa semester pendek kecuali bagi pelajar yang akan bergraduat.

49. Senarai Kepujian Dekan / Sijil Dekan

a) Pelajar berikut layak dianugerahkan Senarai Kepujian Dekan / Sijil Dekan;
   i. Mendaftar sekurang-kurangnya 12 jam kredit pada semester semasa.
   ii. Mendapat keputusan Purata Nilaian Gred (PNG) 3.50 dan ke atas pada semester biasa.
   iii. Tidak dikenakan tindakan tatatertib.

b) Pemberian Sijil Dekan adalah tidak termasuk pelajar yang mendaftar Latihan Industri / Praktikum.

BAHAGIAN M
RAYUAN

50. Rayuan Semakan Gred Kursus

a) Pelajar yang tidak berpuas hati dengan gred yang diterima bagi kursus tertentu boleh mengemukakan rayuan untuk menyemak kembali gred kursus tersebut.

b) Rayuan hanya dibenarkan sekali sahaja bagi kursus berkenaan.

c) Bagi kursus yang mempunyai peperiksaan akhir, semakan hanya melibatkan penilaian untuk peperiksaan akhir sahaja.

d) Peraturan rayuan semakan gred adalah seperti berikut;

i. Borang rayuan semakan gred hendaklah dikemukakan kepada PPPA dalam tempoh dua minggu selepas keputusan diumumkan.

ii. Rayuan semakan hendaklah disertakan dengan yuran proses sebanyak RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja) bagi setiap kursus. Walaubagaimanapun, untuk kes-kes yang melibatkan kesilapan teknikal oleh pensyarah, yuran proses tidak akan dikenakan.

iii. Pertimbangan rayuan akan dilakukan oleh Jawatankuasa Rayuan Semakan Gred Kursus di fakulti yang berkenaan.

e) Prosedur rayuan semakan gred adalah sebagaimana Panduan / Tatacara Rayuan Semakan Gred yang telah dikeluarkan.

51. Jawatankuasa Rayuan Semakan Gred Kursus

a) Jawatankuasa Rayuan Semakan Gred Kursus peringkat fakulti/pusat Pendidikan hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya tiga (3) orang ahli;

Pengerusi	:	Dekan (Fakulti/pusat pendidikan yang menawarkan kursus)
Ahli	:	Timbalan Dekan (Akademik & HEP) Fakulti/pusat pendidikan yang menawarkan kursus
	:	Ketua-ketua Bidang/Ketua Jabatan Fakulti/pusat pendidikan yang menawarkan kursus
	:	Pensyarah Kursus
Setiausaha	:	Pegawai Tadbir Fakulti/pusat pendidikan yang menawarkan kursus

b) Jawatankuasa boleh meminta mana-mana pegawai akademik yang berkaitan untuk turut hadir dalam mesyuarat tersebut.

c) Jawatankuasa ini hendaklah menimbang dan membuat keputusan muktamad terhadap setiap rayuan yang dikemukakan.

d) Jawatankuasa ini juga bertanggungjawab menimbang permohonan pindaan gred kursus oleh pensyarah.

e) Jawatankuasa hendaklah melaporkan keputusan rayuan gred oleh pelajar atau pensyarah kepada Senat Universiti untuk pengesahan.

52. Rayuan Gagal dan Diberhentikan (GB)

a) Seseorang pelajar yang mendapat keputusan Gagal dan Diberhentikan (GB) boleh mengemukakan rayuan terhadap keputusan tersebut dengan syarat mendapat sekurang-kurangnya PNGK 1.75 hingga 1.99 semasa mendapat status GB tersebut.

b) Peraturan rayuan GB adalah seperti berikut;

i. Rayuan hendaklah dikemukakan kepada PPPA selewat-lewatnya dalam tempoh dua minggu selepas keputusan diumumkan.

ii. Rayuan hendaklah disertakan dengan bayaran yuran RM50.00 (Ringgit Malaysia: Lima Puluh Sahaja).

iii. Rayuan yang diterima oleh PPPA akan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Rayuan Gagal dan Diberhentikan Universiti.

iv. Jika rayuan diluluskan, status pengajian pelajar akan diubah kepada status Percubaan (tanpa mengubah PNGK pelajar).

v. Rayuan GB hanya dibenarkan sekali sahaja dalam tempoh pengajian seseorang pelajar.

53. Jawatankuasa Rayuan Gagal dan Diberhentikan (GB)

a) Jawatankuasa Rayuan GB hendaklah hendaklah dianggotai oleh sekurang-kurangnya 3 orang ahli;

Pengerusi	:	Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
Ahli	:	Dekan fakulti pelajar yang membuat rayuan
	:	Dua (2) orang ahli Senat
	:	Pengarah PPPA
	:	Timbalan Pendaftar PPPA
Setiausaha	:	Pegawai Tadbir seksyen berkaitan di PPPA

b) Jawatankuasa boleh meminta mana-mana pegawai akademik yang berkaitan turut hadir dalam mesyuarat tersebut.

c) Jawatankuasa hendaklah melaporkan keputusan yang telah dicapai kepada Senat Universiti.

54. Semester Tambahan Bagi Pelajar Tahun Akhir Berstatus Gagal dan Diberhentikan (GB)

a) Pelajar tahun akhir yang memperoleh status GB pada semester terakhir, boleh diberi peluang mengikuti semester tambahan bagi memperbaiki PNGK kepada sekurang-kurangnya 2.00.

b) Semester tambahan yang dibenarkan adalah tidak lebih daripada 2 semester.

c) Semester tambahan ini tidak boleh diberikan kepada pelajar yang telah mencapai tempoh maksimum pengajian yang telah ditetapkan.

d) Pelajar yang termasuk dalam kes ini akan diberi status Gagal, Tambah Semester (GTS) pada semester berkenaan.

BAHAGIAN N
PENGIJAZAHAN

55. Kelayakan Bergraduat

a) Pelajar layak bergraduat jika;

i. Telah mendaftar bagi sesuatu program pengajian dan telah lulus semua kursus yang diwajibkan bagi program itu atau kursus gantian yang setara.
ii. Memenuhi semua syarat lain yang ditetapkan bagi program itu.
iii. Memperolehi PNGK tidak kurang daripada 2.00.
iv. Telah mengikuti Program Survival dan Keselamatan Air.
v. Mencapai gred minimum bagi syarat pencapaian Bahasa Inggeris sebagaimana berikut:

Aliran	Syarat Minimum Bahasa Inggeris
Sastera dan Sains Sosial	EOP Gred B- atau MUET Band 3.0
Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM)	EOP Gred B atau MUET Band 4.0

** Jika semasa kemasukan pelajar telah mencapai tahap minimum Band MUET untuk bergraduat, pelajar dikira telah memenuhi syarat bergraduat bagi pencapaian tahap MUET.*

Nota : Syarat iv dan v terpakai untuk pelajar Sesi 2023/24 sahaja.

b) Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk memastikan bahawa kesemua keperluan bergraduat dipenuhi. Semakan layak bergraduat boleh dibuat oleh pelajar di portal MyNemo masing-masing.

c) Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk memastikan bahawa semua kursus yang diambil memenuhi skema pengajian yang ditetapkan. Universiti tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kesilapan pendaftaran kursus yang menyebabkan layak bergraduat tidak dipenuhi.

d) Penawaran kursus khas tidak akan dilaksanakan bagi memenuhi keperluan yang disebabkan oleh kecuaian pelajar. Pelajar perlu mengambil kursus berkaitan pada semester kursus tersebut ditawarkan berikutnya.

e) Pelajar yang telah memenuhi syarat bergraduat namun ingin meneruskan pengajian bagi memperbaiki gred boleh berbuat demikian dengan mengemukakan permohonan kepada Dekan fakulti.

56. Senarai Pelajar Layak Bergraduat

a) Senarai pelajar yang memenuhi syarat program dan layak bergraduat hendaklah dikemukakan oleh fakulti kepada PPPA untuk pengesahan Senat.

b) Hanya nama pelajar yang telah disahkan oleh Senat sahaja layak bergraduat.

57. Hak Senat Untuk Menganugerahkan Ijazah

a) Senat boleh mengesahkan sama ada pelajar dalam senarai yang dikemukakan itu layak bergraduat dan dianugerahkan ijazah diploma ataupun ijazah sarjana muda.

b) Senat juga boleh untuk tidak mengesahkan atau menolak daripada menganugerahkan apa-apa ijazah kepada mana-mana pelajar dalam senarai yang dikemukakan.

58. Pengkelasan Ijazah Sarjana Muda dan Diploma

a) Pengkelasan Ijazah Sarjana Muda

Pengkelasan Ijazah Sarjana Muda yang dikeluarkan oleh universiti adalah seperti berikut;

Sesi Kemasukan 2019/2020 dan ke bawah

PNGK	**Klasifikasi**	
	Dalam Bahasa Malaysia	Dalam Bahasa Inggeris
3.67 - 4.00	Cemerlang	*Distinction*
2.00 - 3.66	Kepujian	*Honours*

Sesi Kemasukan 2020/2021 dan ke atas

PNGK	**Klasifikasi**	
	Dalam Bahasa Malaysia	Dalam Bahasa Inggeris
3.67 - 4.00	Kelas Pertama	*First Class*
2.00 - 3.66	Kepujian	*Honours*

b) Pengkelasan Diploma

Pengkelasan Diploma yang dikeluarkan oleh universiti adalah seperti berikut;

PNGK	**Klasifikasi**	
	Dalam Bahasa Malaysia	Dalam Bahasa Inggeris
3.67 – 4.00	Cemerlang	*Distinction*
2.00 – 3.66	Kepujian	*Honours*

59. Penganugerahan Ijazah Secara Anumerta Dan Aegrotat

a) Anumerta merupakan penganugerahan ijazah peringkat diploma atau sarjana muda yang diberikan kepada pelajar yang tidak menamatkan pengajian kerana meninggal dunia semasa dalam pengajian.

b) Aegrotat merupakan penganugerahan ijazah peringkat diploma atau sarjana muda yang diberikan kepada pelajar yang tidak menamatkan pengajian kerana hilang upaya kekal semasa di dalam pengajian.

c) Pelajar yang tidak menamatkan pengajian kerana telah meninggal dunia atau hilang upaya kekal dalam tempoh pengajian boleh diberikan pengiktirafan tertakluk kepada memenuhi syarat-syarat berikut;

   i. Telah mendapat sekurang-kurangnya 65% daripada jumlah kredit bergraduat bagi program pengajian yang diikuti untuk dianugerahkan ijazah diploma ataupun ijazah sarjana muda.

   ii. Mendapat status lulus pada semester terakhir yang aktif sebelum kematian atau hilang upaya kekal.

d) Urusan berkaitan penganugerahan adalah diuruskan oleh pihak fakulti di mana pelajar mengikuti program.

e) Pemberian pengiktirafan adalah tertakluk kepada kelulusan Senat UMT.

BAHAGIAN O
KEWANGAN

60. Urusan Berkaitan Yuran Pengajian

Sebarang urusan berkaitan yuran pengajian adalah tertakluk kepada Peraturan Pembayaran Yuran Pelajar Universiti. Sebarang pertanyaan berhubung pembayaran yuran hendaklah dirujuk kepada Seksyen Kewangan Pelajar, Pejabat Bendahari.

61. Tindakan Kepada Pelajar Berhutang

a) Pelajar yang gagal menjelaskan hutang pengajian atau tunggakan hutang pengajian boleh dikenakan tindakan berikut;
   i. Diberikan notis peringatan
   ii. Ditahan daripada membuat pendaftaran kursus semester berikutnya
   iii. Ditahan daripada mendaftar semester berikutnya
   iv. Ditahan daripada menduduki peperiksaan akhir
   v. Ditahan keputusan peperiksaan
   vi. Ditahan daripada memiliki transkrip, skrol dan mengambil bahagian dalam majlis konvokesyen

b) Walaubagaimanapun, perkara ini adalah tertakluk kepada pekeliling yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

c) Sebarang pertanyaan berhubung penjelasan hutang hendaklah dirujuk kepada Seksyen Kewangan Pelajar, Pejabat Bendahari.

BAHAGIAN P
SALAH LAKU AKADEMIK DAN TATATERTIB

62. Salah Laku Akademik dan Tatatertib

a) Pelajar adalah dilarang untuk melakukan apa-apa jua perbuatan yang melanggar peraturan atau etika sebagai pelajar di Universiti Malaysia Terengganu.

b) Pelajar yang melakukan salah laku akademik boleh dikenakan tindakan tatatertib mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 termasuk pindaan-pindaannya atau mana-mana bentuk tindakan lain yang ditetapkan oleh Universiti.

c) Bagi maksud pemakaian Peraturan-Peraturan ini, salah laku akademik hendaklah merangkumi perbuatan atau tinggalan yang dinyatakan dalam Kaedah 4, 5, 6, 7 dan 8, Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009. Petikan peruntukan kaedah-kaedah yang berkenaan adalah sebagaimana di **Lampiran 3**.

d) Keputusan peperiksaan atau kerja kursus mana-mana pelajar yang telah disabitkan kesalahan atas apa-apa kesalahan tatatertib di bawah kaedah 6 dan 8, Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009, akan dipertimbangkan semula oleh Senat melalui Jawatankuasa Salah Laku Akademik. Di dalam menjalankan kuasanya, Jawatankuasa Salah Laku Akademik boleh membuat pengisytiharan berikut;
    i. Membatalkan sebahagian keputusan peperiksaan untuk sesuatu mata pelajaran yang berkaitan dengan kesalahan tatatertib yang telah disabitkan; atau
    ii. Membatalkan keseluruhan keputusan peperiksaan untuk sesuatu mata pelajaran yang berkaitan dengan kesalahan tatatertib yang telah disabitkan; atau
    iii. Membatalkan keseluruhan keputusan peperiksaan bagi semua mata pelajaran yang didaftarkan pada semester tersebut; atau
    iv. Mengekalkan keputusan peperiksaan atau kerja kursus yang berkenaan.

e) Pelajar yang telah dimulakan prosiding tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 atau prosiding jenayah oleh mana-mana Mahkamah, hendaklah ditahan keputusan peperiksaannya/ kelayakan bergraduat sehingga kes terhadapnya diputuskan oleh Pihak Berkuasa Tatatertib atau oleh Mahkamah yang memulakan prosiding jenayah berkenaan.

BAHAGIAN Q
PERUNTUKAN AM

63. Maklumat Peribadi

a) Semua pelajar WAJIB mengemaskinikan maklumat peribadi daripada masa ke masa secara dalam talian melalui portal MyNemo untuk tujuan rekod.

b) Pelajar hendaklah memastikan bahawa semua maklumat yang dikemukakan adalah benar dan tepat. Universiti berhak mengambil apa-apa tindakan terhadap pelajar sekiranya didapati maklumat tersebut adalah tidak benar.

c) Universiti boleh menggunakan segala maklumat pelajar di dalam Sistem Maklumat Pelajar untuk apa-apa tujuan yang difikirkan perlu oleh universiti.

64. Kuasa Senat

a) Senat berhak untuk mengubah, meminda atau membatalkan mana-mana peruntukan di dalam Peraturan Akademik ini daripada semasa ke semasa.

b) Senat berhak mengecualikan pemakaian Peraturan Akademik ini atau mana-mana peruntukan di dalam Peraturan Akademik ini ke atas mana-mana pelajar atau program pengajian.

c) Walaubagaimanapun, Senat tidak boleh mengubah, meminda atau membatalkan mana-mana peruntukan yang telah ditetapkan oleh kuasa-kuasa yang lebih tinggi iaitu MQA dan KPT.

65. Pematuhan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti, Statut, Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 dan Peraturan-Peraturan Universiti

Setiap pelajar adalah tertakluk kepada Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti, Statut atau Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 atau peraturan-peraturan universiti lain yang berkuatkuasa.

66. Penguatkuasaan Peraturan

a) Peraturan Akademik ini berkuatkuasa mulai Sesi Akademik 2021/2022 dan terpakai untuk semua pelajar Diploma dan Sarjana Muda.

b) Dalam keadaan di mana terdapat percanggahan di antara peruntukan di dalam Peraturan Akademik ini dengan mana-mana peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti, Statut atau Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 termasuk pindaan-

pindaannya, peruntukan yang terkandung Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Perlembagaan Universiti atau Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 termasuk pindaan-pindaannya hendaklah terpakai.

c) Dengan berkuatkuasanya peraturan ini, Peraturan Akademik Edisi sebelumnya adalah terbatal dan dimansuhkan.

LAMPIRAN 1

KETERANGAN GRED DAN SIMBOL

A. KETERANGAN GRED

GRED	KETERANGAN TERPERINCI
A / A-	**Cemerlang**
B+ / B / B-	**Baik** Gred ini adalah menunjukkan pencapaian purata pelajar dalam kursus tersebut.
C+ / C	Memuaskan
C- / D	Lemah
F	**Gagal** Gred ini menunjukkan pencapaian yang tidak mencukupi, atau penarikan diri daripada sesuatu kursus selepas tempoh yang dibenarkan tanpa kebenaran Dekan Fakulti yang menawarkan kursus itu.
TL	**Tidak Lengkap** Gred TL ini dipertimbangkan kepada pelajar yang tidak dapat memenuhi sebahagian daripada keperluan sesuatu kursus yang berbentuk praktikal atau tugasan sahaja iaitu; a) Latihan Industri (LI) yang dijalankan di luar semester sahaja b) Projek Ilmiah Tahun Akhir (PITA) c) Kerja Lapangan
PG	**Peperiksaan Gantian** Gred ini diberikan kepada kepada pelajar yang tidak dapat menduduki peperiksaan akhir dan telah mendapat kelulusan untuk menduduki pepeiksaan gantian mengikut syarat yang telah ditetapkan.
AU	**Audit** Gred ini menunjukkan bahawa pelajar telah mendaftar, menghadiri dan mengambil peperiksaan bagi sesuatu kursus. Gred ini akan dipaparkan dalam keputusan peperiksaan pelajar sekiranya lulus kursus tersebut.

B. KETERANGAN SIMBOL

SIMBOL	KETERANGAN TERPERINCI
AUT	**Audit** Simbol abjad ini menunjukkan bahawa pelajar mendaftar dan memenuhi keperluan kursus. Simbol ini direkodkan HANYA jika pelajar lulus kursus tersebut. Mata nilaian tidak diberikan bagi sesuatu kursus audit.
DLK	**Daftar Lewat Kursus** Simbol abjad ini menunjukkan bahawa pelajar mendaftar kursus di luar tempoh yang ditetapkan.
ELF	**Kursus Elektif** Simbol abjad ini diberikan pada taraf kursus yang boleh dipilih oleh pelajar untuk menyokong bidang pengajian programnya atau memenuhi minat dan potensi masing-masing.
GB	**Gagal dan Diberhentikan** Simbol abjad ini menunjukkan bahawa pelajar diberhentikan dari pengajian kerana mendapat PNGK kurang 2.00 untuk semester percubaan atau PNGK 0.00 hingga 0.99.
GK	**Gantung Keputusan** Simbol abjad ini menunjukkan bahawa pelajar digantung keputusannya pada semester itu disebabkan sedang menunggu prosiding tatatertib di bawah Kaedah-Kaedah Tatatertib Pelajar UMT atau prosiding jenayah/perundangan oleh mana-mana mahkamah.
GP	**Gantung Pengajian** Simbol abjad ini menunjukkan bahawa pelajar digantung pengajiannya pada semester berkenaan setelah didapati bersalah oleh Pihak Berkuasa Tatatertib atas apa-apa kesalahan tatatertib.
GN	**Gugur Nama** Simbol abjad ini menunjukkan status pelajar pada semester yang mana namanya digugurkan.
GTS	**Gagal Tambah Semester** Simbol abjad ini menunjukkan bahawa seseorang pelajar tahun akhir yang memperolehi status Gagal dan Diberhentikan (GB) pada semester terakhir, mengikuti semester tambahan bagi memperbaiki PNGK kepada sekurang-kurangnya 2.00. Seseorang pelajar dibenarkan membuat semester tambahan tidak lebih daripada dua semester.

KP	**Kes Perubatan** Simbol abjad ini menunjukkan bahawa pelajar terhenti pengajiannya bagi sesuatu semester atas sebab kes perubatan berasaskan Laporan Perubatan hanya daripada Pegawai Perubatan Klinik Universiti atau mana-mana hospital kerajaan.
TDK	**Tarik Diri Kursus** Simbol abjad ini menunjukkan bahawa pelajar menarik diri daripada kursus di luar tempoh yang ditetapkan.
ULK	**Peperiksaan Ulangan Khas** Simbol abjad ini diberikan pada taraf kursus yang menunjukkan bahawa sesuatu peperiksaan yang diduduki oleh pelajar di peringkat akhir pengajiannya di mana pelajar tersebut memerlukan hanya satu kursus lagi untuk bergraduat, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.
ULT	**Ulang Kursus Tingkat Gred** Simbol abjad ini diberikan pada taraf kursus yang diulang oleh seseorang pelajar bagi maksud meninggikan gred abjad yang diperolehi, tertakluk kepada persetujuan pensyarah kursus itu.
ULF	**Ulang Kursus Gagal** Simbol abjad ini diberikan pada taraf kursus yang diulang oleh seseorang pelajar bagi maksud memenuhi keperluan untuk bergraduat.
YW	Kursus Wajib yang meliputi kursus Teras Program (TP) dan Teras Universiti (TU). Simbol abjad ini diberikan pada taraf kursus yang wajib diambil oleh pelajar berdasarkan keperluan Universiti dan program masing-masing.
ULM	**Peperiksaan Ulangan Gred Minimum** Simbol abjad ini diberikan pada taraf kursus yang menunjukkan bahawa peperiksaan kursus *English for Occupational Purposes* (EOP) diduduki oleh pelajar di peringkat akhir pengajiannya untuk bergraduat, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

LAMPIRAN 2 (a)

CONTOH PENGIRAAN PNG, PNGK DAN PENETAPAN STATUS PELAJAR

Semester 1:

KURSUS	JAM KREDIT	GRED	MATA NILAIAN	JUMLAH MATA NILAIAN GRED
a	1	A	4.00 X 1	4.00
b	3	A	4.00 X 3	12.00
c	3	B-	2.75 X 3	8.25
d	4	B	3.00 X 4	12.00
e	4	B	3.00 X 4	12.00
f	2	A	4.00 X 2	8.00
g	2	A-	3.75 X 2	7.50
JUMLAH	**19**	**-**	**-**	**63.75**

$$\text{PNG} = \frac{\text{Jumlah mata nilaian gred}}{\text{Jumlah kredit}} = \frac{63.75}{19} = \mathbf{3.36}$$

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah timbunan mata nilaian}}{\text{Jumlah timbunan kredit}} = \frac{63.75}{19} = \mathbf{3.36}$$

STATUS = **LULUS**

Semester 2:

KURSUS	JAM KREDIT	GRED	MATA NILAIAN	JUMLAH MATA NILAIAN GRED
h	3	A-	3.75 X 3	11.25
i	3	A-	3.75 X 3	11.25
j	3	C-	1.75 X 3	5.25
k	3	B	3.00 X 3	9.00
l	3	B+	3.50 X 3	10.50
m	3	A-	3.75 X 3	11.25
JUMLAH	**18**	**-**	**-**	**58.50**

$$\text{PNG} = \frac{\text{Jumlah mata nilaian gred}}{\text{Jumlah kredit}} = \frac{58.50}{18} = \mathbf{3.25}$$

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah timbunan mata nilaian}}{\text{Jumlah timbunan kredit}} = \frac{63.75 + 58.50}{19 + 18} = \frac{122.25}{37} = \mathbf{3.30}$$

STATUS = **LULUS**

LAMPIRAN 2 (b)

PELAJAR YANG DIBERI STATUS 'AMARAN'
(PELAJAR YANG MENDAPAT PNGK 1.00 HINGGA 1.99)

KURSUS	JAM KREDIT	GRED	MATA NILAIAN	JUMLAH MATA NILAIAN GRED
a	3	B	3.00 X 3	9.00
b	3	C	2.00 X 3	6.00
c	3	D	1.00 X 3	3.00
d	3	D	1.00 X 3	3.00
e	3	D	1.00 X 3	3.00
f	3	D	1.00 X 3	3.00
JUMLAH	**18**	**-**	**-**	**27.00**

$$\text{PNG} = \frac{\text{Jumlah timbunan mata nilaian}}{\text{Jumlah timbunan kredit}} = \frac{27.00}{18}$$

$$= \mathbf{1.50}$$

STATUS = **AMARAN**

LAMPIRAN 2 (c)

PELAJAR YANG DIBERI STATUS 'PERCUBAAN'
(PELAJAR YANG GAGAL MENDAPAT PNGK 2.00 SEMASA MENDAPAT STATUS AMARAN DAN MENDAPAT PNGK 1.00 HINGGA 1.99)

Semester 1: PNGK = 1.92 Status = AMARAN

KURSUS	JAM KREDIT	GRED	MATA NILAIAN	JUMLAH MATA NILAIAN GRED
a	3	B	3.00 X 3	9.00
b	3	C-	1.75 X 3	5.25
c	3	D	1.00 X 3	3.00
d	3	C	2.00 X 3	6.00
e	3	D	1.00 X 3	3.00
f	3	B-	2.75 X 3	8.25
JUMLAH	**18**	**-**	**-**	**34.50**

Semester 2 :

KURSUS	JAM KREDIT	GRED	MATA NILAIAN	JUMLAH MATA NILAIAN GRED
g	3	C	2.00 X 3	6.00
h	3	B	3.00 X 3	9.00
i	3	B	3.00 X 3	9.00
j	3	D	1.00 X 3	3.00
k	3	D	1.00 X 3	3.00
l	3	C-	1.75 X 3	5.25
JUMLAH	**18**	**-**	**-**	**35.25**

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah timbunan mata nilaian}}{\text{Jumlah timbunan kredit}} = \frac{34{,}50 + 32.25}{18 + 18} = \frac{69.75}{36}$$

$$= \mathbf{1.94}$$

STATUS = **PERCUBAAN**
(kerana gagal mendapat PNGK 2.00 pada semester AMARAN dan mendapat PNGK 1.00 hingga 1.99)

LAMPIRAN 2 (d)

PELAJAR YANG DIBERI STATUS 'GAGAL DAN DIBERHENTIKAN'
(PELAJAR YANG MENDAPAT PNGK 0.00 HINGGA 0.99)

KURSUS	JAM KREDIT	GRED	MATA NILAIAN	JUMLAH MATA NILAIAN GRED
a	3	F	0.00 X 3	0.00
b	3	F	0.00 X 3	0.00
c	3	D	1.00 X 3	3.00
d	3	D	1.00 X 3	3.00
e	3	F	0.00 X 3	0.00
f	3	C-	1.75 X 3	5.25
JUMLAH	**18**	**-**	**-**	**11.25**

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah timbunan mata nilaian}}{\text{Jumlah timbunan kredit}} = \frac{11.25}{18}$$

$$= \underline{\mathbf{0.63}}$$

STATUS = **GAGAL DAN DIBERHENTIKAN**

LAMPIRAN 2 (e)

PELAJAR YANG DIBERI STATUS 'GAGAL DAN DIBERHENTIKAN' (PELAJAR GAGAL MENDAPAT PNGK 2.00 SEMASA MENDAPAT STATUS PERCUBAAN DAN MENDAPAT PNGK 1.00 -1.99)

Semester 1: PNGK = 1.75 Status = AMARAN

KURSUS	JAM KREDIT	GRED	MATA NILAIAN	JUMLAH MATA NILAIAN GRED
a	3	D	1.00 x 3	3.00
b	3	C	2.00 x 3	6.00
c	3	C	2.00 x 3	6.00
d	3	D	1.00 x 3	3.00
e	4	C+	2.50 x 4	10.00
JUMLAH	**16**	**-**	**-**	**28.00**

Semester 2: PNGK = 1.82 Status = PERCUBAAN

KURSUS	JAM KREDIT	GRED	MATA NILAIAN	JUMLAH MATA NILAIAN GRED
a	3	C	2.00 x 3	6.00
b	3	C+	2.50 x 3	7.50
c	3	C	2.00 x 3	6.00
d	3	C-	1.75 x 3	5.25
e	4	C	2.00 x 4	8.00
f	3	D	1.00 x 3	3.00
JUMLAH	**19**	**-**	**-**	**35.75**

Semester 3:

KURSUS	JAM KREDIT	GRED	MATA NILAIAN	JUMLAH MATA NILAIAN GRED
a	3	B-	2.75 X 3	8.25
b	3	C	2.00 X 3	6.00
c	3	C+	2.50 X 3	7.50
d	4	C-	1.75 X 4	7.00
e	3	D	1.00 X 3	3.00
f	4	F	0.00 X 4	0.00
g	4	C+	2.50 X 4	10.00
JUMLAH	**24**	**-**	**-**	**41.75**

$$\text{PNGK} = \frac{\text{Jumlah timbunan mata nilaian}}{\text{Jumlah timbunan kredit}} = \frac{28.00 + 35.75 + 41.75}{16 + 19 + 24} = \frac{105.5}{59}$$

$$= \mathbf{1.79}$$

STATUS = **GAGAL DAN DIBERHENTIKAN**
(kerana gagal mendapat PNGK 2.00 pada semester Percubaan dan mendapat PNGK 1.00 - 1.99)

LAMPIRAN 3

SALAH LAKU AKADEMIK
(Petikan kaedah 4, 5, 6, 7 dan 8, Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Terengganu (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009

Menghadiri kuliah

4. (1) Jika seseorang pelajar dikehendaki menghadiri apa-apa kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain yang berhubungan dengan kursus pengajiannya, dia tidak boleh tidak menghadiri kuliah, tutorial, kelas atau pengajaran lain yang berhubungan dengan kursus pengajiannya itu tanpa mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Dekan Fakulti, atau Ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut atau mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi kuasa oleh Dekan atau Ketua untuk bertindak bagi pihaknya, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika hal keadaan tidak membenarkan kebenaran terlebih dahulu itu diperoleh, pelajar itu hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas itu, memuaskan hati Dekan atau Ketua atau mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi kuasa oleh Dekan atau Ketua untuk bertindak bagi pihaknya, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan ketidakhadirannya dan memperoleh kelulusan bagi ketidakhadirannya itu.

Sekatan ke atas penggunaan teks kuliah

5. (1) Tertakluk kepada subkaedah (2), seseorang pelajar tidak boleh —

(a) menggunakan teks mana-mana kuliah atau pengajaran yang disampaikan kepadanya di Universiti kecuali bagi maksud mengikuti kursus pengajiannya; dan

(b) terutamanya, membuat salinan, dengan apa-apa cara, kesemua atau mana-mana bahagian teks itu bagi maksud penerbitan, pembahagian atau pengedaran, sama ada untuk bayaran atau tidak.

(2) Tiada apa-apa jua dalam kaedah ini boleh disifatkan sebagai menghadkan budi bicara Naib Canselor untuk mengeluarkan garis panduan bagi membenarkan seseorang pelajar, atau sesuatu pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, membuat salinan teks mana-mana kuliah atau pengajaran di bawah kawalan dan arahan Naib Canselor, atau Dekan Fakulti, atau ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut, yang dibenarkan oleh Naib Canselor, dan Naib Canselor boleh mengenakan dalam garis panduan itu apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya perlu atau suai manfaat berkenaan dengan penghasilan semula teks mana-mana kuliah atau pengajaran.

Larangan terhadap plagiarisme

6. (1) Seseorang pelajar tidak boleh memplagiat apa-apa idea, penulisan, data atau ciptaan kepunyaan orang lain.

(2) Bagi maksud kaedah ini, plagiarisme termasuklah —

(a) perbuatan mengambil sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan orang lain dan mengaku bahawa idea, penulisan, data atau ciptaan itu ialah hasil dapatan atau ciptaannya sendiri; atau

(b) suatu cubaan untuk menonjolkan atau perbuatan menonjolkan, dengan apa-apa cara, bahawa dia ialah sumber asal atau pencipta sesuatu idea, penulisan, data atau ciptaan yang sebenarnya telah diambil daripada mana-mana sumber lain.

(3) Tanpa menjejaskan keluasan subkaedah (2), seseorang pelajar memplagiat apabila dia —

(a) menerbitkan, atas namanya sendiri sebagai pengarang, suatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku yang keseluruhannya atau sebahagiannya ditulis oleh mana-mana orang lain;

(b) menggabungkan dirinya atau membenarkan dirinya digabungkan sebagai pengarang bersama sesuatu ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku, sedangkan dia tidak langsung membuat apa-apa sumbangan bertulis kepada ringkasan, artikel, kertas saintifik atau akademik, atau buku itu;

(c) memaksa orang lain untuk memasukkan namanya dalam senarai penyelidik bersama bagi sesuatu projek penyelidikan tertentu atau dalam senarai pengarang bersama bagi sesuatu penerbitan sedangkan dia tidak membuat apa-apa sumbangan yang boleh melayakkan dirinya menjadi penyelidik bersama atau pengarang bersama;

(d) memetik data akademik yang merupakan hasil penyelidikan yang dijalankan oleh mana-mana orang lain, seperti dapatan makmal atau dapatan kerja lapangan atau data yang diperoleh melalui penyelidikan perpustakaan, sama ada yang diterbitkan atau tidak diterbitkan, dan menggabungkan data itu sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademiknya tanpa memberikan pengiktirafan yang sewajarnya kepada sumber asal;

(e) menggunakan data penyelidikan yang diperoleh melalui kerja usaha sama dengan mana-mana orang lain, sama ada atau tidak orang lain itu ialah anggota kakitangan atau pelajar Universiti, sebagai sebahagian daripada penyelidikan akademik peribadinya yang lain dan berbeza, atau bagi penerbitan atas namanya sendiri sebagai pengarang tunggal, tanpa memperoleh keizinan penyelidik bersamanya sebelum memulakan penyelidikannya sendiri atau sebelum menerbitkan data itu;

(f) menyalin idea atau ciptaan orang lain yang disimpan dalam apa-apa jua bentuk, sama ada bertulis, tercetak atau tersedia dalam bentuk elektronik, atau dalam bentuk slaid, atau dalam apa-apa jua bentuk pengajaran atau perkakas penyelidikan atau dalam apa-apa bentuk lain, dan mengaku sama ada secara langsung atau tidak langsung bahawa dia ialah pencipta idea atau ciptaan itu;

(g) menterjemahkan hasil penulisan atau karya orang lain daripada satu bahasa ke dalam bahasa lain sama ada atau tidak secara keseluruhan atau sebahagian, dan kemudian mengaku bahawa terjemahan itu yang dibuat dalam apa-apa jua bentuk atau cara sebagai hasil penulisannya atau karyanya sendiri; atau

(h) memetik idea daripada penulisan atau ciptaan orang lain dan membuat ubah suaian tertentu tanpa menyebut dengan sewajarnya sumber asal dan menyusunnya semula dengan apa-apa cara sehingga kelihatan seolah-olah dia ialah pencipta idea itu.

Kehadiran bagi peperiksaan

7. (1) Jika kursus pengajian seseorang pelajar memerlukan dia hadir bagi sesuatu peperiksaan dan dia tidak selainnya dihalang daripada peperiksaan itu, dia tidak boleh tidak hadir bagi peperiksaan itu tanpa mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Dekan Fakulti, atau ketua Sekolah, Pusat, Akademi atau Institut, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika hal keadaan tidak membenarkan kebenaran terlebih dahulu itu diperoleh, pelajar hendaklah, dengan seberapa segera yang boleh selepas itu, memuaskan hati Dekan atau Ketua, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan ketidakhadirannya dan memperoleh kelulusan bagi ketidakhadirannya itu.

Kelakuan berkaitan peperiksaan

8. Tiada seorang pun pelajar boleh —

(a) membawa apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain, kecuali yang dibenarkan oleh pemeriksa, ke dalam atau ke luar dari sesuatu bilik peperiksaan, atau menerima apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain daripada mana-mana orang lain semasa berada di dalam bilik peperiksaan, kecuali seseorang pelajar boleh, semasa dia berada di dalam bilik peperiksaan, menerima daripada pengawas peperiksaan apa-apa buku, kertas kerja, dokumen, gambar atau benda lain yang dicadangkan oleh pemeriksa atau Jawatankuasa Pemeriksa, dan dibenarkan oleh Naib Canselor;

(b) menulis, atau mendapatkan orang lain untuk menulis, apa-apa maklumat atau gambar rajah yang mungkin berkaitan dengan peperiksaan yang

didudukinya, di atas tangannya atau di atas mana-mana bahagian lain tubuh badannya, atau di atas pakaiannya;

(c) berhubung dengan mana-mana pelajar lain semasa sesuatu peperiksaan sedang berjalan melalui apa-apa jua cara; atau

(d) menipu atau meniru atau cuba untuk menipu atau cuba untuk meniru atau berkelakuan mengikut cara yang boleh ditafsirkan sebagai menipu atau meniru atau cuba untuk menipu atau cuba untuk meniru dalam sesuatu peperiksaan, semasa peperiksaan itu sedang dijalankan.

PERATURAN AKADEMIK
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

(PROGRAM SARJANA MUDA DAN DIPLOMA)

EDISI 10

SENARAI PENAMBAHBAIKAN PERATURAN AKADEMIK UMT

KERTAS SENAT BIL.3/161/2023
PENGECUALIAN SYARAT BAHASA INGGERIS BAGI PELAJAR ANTARABANGSA PROGRAM PRASISWAZAH UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

KERTAS SENAT BIL.5/165/2023
PENAMBAHBAIKAN PENGKELASAN IJAZAH SARJANA MUDA UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

KERTAS SENAT BIL.6/173/2023
PENAMBAHBAIKAN TEMPOH PERMOHONAN PINDAH KREDIT BAGI PELAJAR DIPLOMA DAN SARJANA MUDA UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

KERTAS SENAT BIL.5/193/2025
PENAMBAHBAIKAN POLISI PENGANUGERAHAN IJAZAH LANJUTAN, IJAZAH PERTAMA DAN DIPLOMA SECARA AEGROTAT DAN ANUMERTA (POSTHUMOUS)

KERTAS SENAT BIL.25/201/2025
PENAMBAHBAIKAN PERATURAN AKADEMIK SARJANA MUDA DAN DIPLOMA BERKAITAN PEPERIKSAAN ULANGAN (RESIT EXAMINATION - ULR) UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

KERTAS SENAT BIL.6/202/2025
PENAMBAHBAIKAN PERATURAN AKADEMIK UMT PROGRAM SARJANA MUDA DAN DIPLOMA BERKAITAN PEPERIKSAAN ULANGAN KHAS (ULK) DAN ULANGAN GAGAL (ULF)

KERTAS SENAT BIL.3/205/2025
PENAMBAHBAIKAN PERATURAN PINDAH KREDIT DIPLOMA DAN SARJANA MUDA UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (PINDAAN 1/2023)

KERTAS SENAT BIL.8/205/2025
PENAMBAHBAIKAN PERATURAN AKADEMIK UMT PROGRAM SARJANA MUDA DAN DIPLOMA BERKAITAN PEPERIKSAAN ULANGAN GRED MINIMUM (ULM)

KERTAS SENAT BIL.4/212/2026
PENAMBAHBAIKAN PERATURAN AKADEMIK BERKAITAN SEKATAN PENCALONAN ANUGERAH PELAJAR BAGI KES SABITAN KESALAHAN TATATERTIB AKADEMIK

UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU

OfficialUMT | UMTsohor | umtofficial

PENGECUALIAN SYARAT BAHASA INGGERIS BAGI PELAJAR ANTARABANGSA PROGRAM PRASISWAZAH UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU (UMT)

Kertas Senat Bil.3/161/2023

a) Meluluskan pindaan syarat kompetensi Bahasa Inggeris kepada pelajar antarabangsa bagi kemasukan pelajar antarabangsa prasiswazah dan pascasiswazah UMT sebagai syarat kemasukan berkuatkuasa pelaksanaannya untuk permohonan kemasukan bermula pada 1 Oktober 2022.

Berdasarkan syarat ini, pengecualian syarat kompetensi Bahasa Inggeris boleh diberikan kepada pelajar antarabangsa seperti berikut:

i. Pelajar antarabangsa yang berasal daripada negara yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi; ATAU

ii. Pelajar antarabangsa yang menggunakan kelayakan akademik dari institusi yang menggunakan Bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar sepenuhnya dan bercadang untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di Malaysia

